

Untuk Bukan Islam Sahaja

Anda Bertanya



Kita Menjawab

Bhante S.Dhammika
(Australia)

Penterjemah : K. Don Premaseri

Publication of the



Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society

佛陀教义弘扬协会

Buddhist Maha Vihara,
123, Jalan Berhala, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570
E-Mail: info@buddhistmahavihara.com
Website: www.buddhistmahavihara.com
www.ksridhammananda.com


Published for Free Distribution
Permission to reprint for free distribution can be
obtained upon request.

Previous Print – 7,500 copies
Current Print – 2,000 copies

Printed by Uniprints Marketing Sdn. Bhd. (493024-K)
(A member of Multimedia Printing & Graphics (M) Sdn Bhd)

ISBN: 983-2515-06-8

Remembering the work and life of
VEN M.M. MAHAWEERA NAYAKA MAHA THERA



The Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society (SAWS) dedicates this publication to the memory of the late Ven. M.M. Mahaweera Nayaka Maha Thera, the Chief Incumbent of the Mangala Vihara, Singapore who passed away on 12.06.2002 at the age of 90 years.

Bhante was ordained in Southern Ceylon under the preceptorship of Ven. Paragoda Sumanasara. Bhante together with Ven. Dhammadassi was later sent to Siam for further training in the late 1920s by Mr. G.K. Sedris Appuhamy of the SAWS. Having received their Higher Ordination in Siam, they returned to Malaya in the late 1930s. Ven. Dhammadassi became the resident monk of the Brickfields Buddhist temple while Ven. Mahaweera headed for Singapore.

Ven. Mahaweera set up two major Buddhist temples in Singapore, the Sri Lankaramaya at St. Michael's Road and the Mangala Vihara at Eunos Avenue. He later transformed the Mangala Vihara to become a seat of Buddhist learning by setting up the Pali and Buddhist College, an affiliate of the Pali University in Sri Lanka at the Mangala Vihara to offer courses in Buddhism such as diploma and degree programmes.

Ven. Mahaweera was invited to officiate the first ever All Night Chanting of suttras at the Brickfields Buddhist temple in 1952 to commemorate the opening ceremony of the newly completed Monks Quarters. In 1958 when Ven. Dhammananda was admitted to the hospital due to over-exertion for singled-handedly having to run the Brickfields Buddhist temple, it was Ven. Mahaweera and Ven. A. Chandasiri of Singapore who volunteered to take turns conducting the religious activities of the temple. In 1972,

Ven. Mahaweera was invited for the recording of the first Buddhist Suttras and Parittas into long-play records in Kuala Lumpur.

Bhante's adept grasp of English, Chinese and Malay together with his unswervingly selfless commitment to social service truly made Bhante a beacon of the Dhamma in Singapore. The publishing of Buddhist books in an effort to popularize the knowledge of Buddhism for the people has been one of the immortal services of the Ven. Nayaka Thera. It is therefore appropriate that the SAWS dedicates the first ever Buddhist publication in Bahasa Malaysia of the Buddhist Maha Vihara to Ven. Mahaweera Nayaka Maha Thera.

We are grateful to Ven. S. Dhammika for having granted permission to the translation of his book, "Good Questions, Good Answers " to Mr. K. Don Premaseri, the translator of this Buddhist text. We also record our appreciation to Ven. K. Wimalajothi Maha Thera, Mr. K. Don Buddhadasa and Mrs. Dayani Hemadasa for the use of some of the photographs and illustrations in this book.

**MAY VEN. MAHAWEERA NAYAKA MAHA THERA
ATTAIN NIBBANA**

Committee of Management
Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society
August 2002

KANDUNGAN

1.	Apakah Buddhisme?	1
2.	Prinsip Asas Agama Buddha	16
3.	Buddhisme dan Konsep Tuhan	24
4.	Panca Sila (Lima Peraturan Hidup)	32
5.	Tumimbal Lahir	38
6.	Kearifan dan Belas Kasihan	53
7.	Vegetarianisme	58
8.	Tuah dan Takdir	61
9.	Memeluk Agama Buddha	65

1. Apakah Buddhisme?

Soalan: Apakah Buddhisme?

Jawapan: Istilah Buddhisme datangnye daripada istilah 'Budhi' yang bermaksud "bangkit". Buddhisme merupakan satu falsafah membangkitkan diri (menyedarkan diri). Falsafah ini bermula daripada pengalaman seorang individu bernama Siddharta Gautama. Beliau mencapai 'Budhi' ketika berusia 36 tahun. Sejak mencapai 'Budhi', beliau mula di kenali sebagai Buddha. Buddhisme kini berusia 2500 tahun dan mempunyai lebih kurang 300 juta penganut di seluruh dunia. Seratus tahun yang lalu, Buddhisme hanya merupakan suatu falsafah yang berkembang di Asia sahaja. Akan tetapi semakin ramai penduduk Eropah dan Amerika kini menjadi pengikutnya.

Soalan: Adakah Buddhisme semata-mata merupakan suatu falsafah?

Jawapan: Istilah Inggeris "philosophy" (falsafah) adalah gabungan dua istilah ; 'philo' yang bermaksud kasih sayang dan 'sophia' yang bermaksud 'kearifan'. Falsafah adalah kasih sayang atau minat terhadap kearifan. Makna lainnya ialah kasih sayang serta kearifan. Kedua-dua makna ini memerincikan Buddhisme dengan baiknya. Buddhisme mengajar bahawa kita harus berusaha mengembangkan kemampuan intelektual kita ke tahap yang maksimum supaya dapat memahami sesuatu perkara dengan jelasnya. Buddhisme juga mengajar kita memupuk kasih sayang dan belas kasihan di dalam sanubari kita supaya kita dapat menjadi seorang sahabat yang sejati kepada semua makhluk hidup. Akan tetapi, Buddhisme

bukanlah satu falsafah sebarangan, malahan merupakan falsafah yang teragung pernah wujud di dunia.

Soalan: Siapakah Buddha?

Jawapan: Dalam tahun 563 Sebelum Masihi, seorang bayi dilahirkan kepada satu keluarga diraja di utara India. Bayi ini dibesarkan menikmati segala kekayaan, kebahagiaan dan kesenangan hidup duniawi. Akan tetapi, beliau mendapati bahawa kesenangan duniawi serta keselamatan duniawi tidak dapat menjamin kebahagiaan. Apabila berusia 29 tahun, beliau meninggalkan isteri dan anaknya untuk belajar daripada guru-guru dan pertapa yang terkenal pada masa itu. Mereka mengajarnya banyak perkara tetapi tiada sesiapa pun yang benar-benar tahu punca penderitaan manusia dan cara penderitaan tersebut dapat diatasi.

Akhirnya, setelah enam tahun berusaha dan bermeditasi, beliau telah mendapat satu tahap pengalaman dimana semua kejahatan telah hilang. Beliau mula dikenali sebagai Buddha, Yang Maha Mengetahui, Yang Maha Sedar. Beliau menjalani baki hidupnya selama 45 tahun lagi mengembara di seluruh utara India mengajar manusia apa yang telah dijumpainya. Belas kasihan dan ketabahannya sungguh menakjubkan dan dia mendapat beribu-ribu orang pengikut. Ketika berusia lapan puluh tahun, beliau meninggal dunia dalam keadaan bahagia.

Soalan: Bukankah tindakan Buddha meninggalkan

isteri dan anaknya suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab?

Jawapan: Bukan mudah bagi Siddharta Gautama meninggalkan keluarganya. Beliau sudah tentu telah banyak berfikir sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan keluarganya. Beliau mempunyai pilihan sama ada untuk berkhidmat untuk keluarganya sahaja atau berkhidmat kepada manusia sejagat. Belas kasihannya yang maha besar itu menyebabkannya menyerahkan dirinya demi kebahagiaan manusia sejagat bagai pelita membakar diri menerangi seluruh dunia dan sebaliknya masih mendapat manfaat daripada pengorbanannya. Perkara ini bukan satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab malahan merupakan pengorbanan yang paling bererti pernah dilakukan di dalam sejarah dunia.

Soalan: Buddha telah pun meninggal dunia. Bagaimana beliau hendak membantu kita?

Jawapan: Faraday, orang yang menemui penawar bagi banyak penyakit telah pun meninggal dunia tetapi penemuannya masih dapat menyelamatkan nyawa orang. Leonardo de Vinci yang telah menghasilkan banyak lukisan yang tidak ternilai harganya juga telah meninggal dunia tetapi gubahannya masih dapat membawa kegembiraan. Terdapat orang mulia atau perwira yang mungkin telah meninggal dunia berabad-abad yang lalu tetapi apabila kita membaca khidmat dan pengorbanan mereka, kita masih boleh mendapat inspirasi untuk berusaha seperti mereka.

Buddha memang telah meninggal dunia. Akan tetapi, selepas 2500 tahun, ajarannya masih membantu

manusia, teladannya masih memberikan inspirasi, sabdanya masih dapat mengubah hidup seseorang. Hanya seorang Buddha mempunyai kebolehan seperti ini berabad-abad lamanya selepas pemergiannya.

Soalan: Adakah Buddha tuhan atau dewa?

Jawapan: Buddha bukan tuhan mahupun dewa. Beliau tidak mendakwa dirinya sebagai tuhan, anak tuhan mahupun pesuruh tuhan. Beliau seorang individu yang telah menyempurnakan dirinya. Beliau mengajar bahawa jika kita mengikuti teladannya, kita juga dapat menyempurnakan diri kita.

Soalan: Jika Buddha bukan tuhan, mengapa manusia menyembahnya?

Jawapan: Terdapat beberapa jenis cara menyembah. Apabila seseorang menyembah tuhan, dia akan memujinya dan menghormatinya, membuat persembahan dan berdoa meminta sesuatu dengan kepercayaan bahawa tuhan akan mendengar pujiannya, menerima persembahannya serta menunaikan permintaannya. Umat Buddhis tidak melibatkan diri di dalam penyembahan seperti ini. Sejenis cara menyembah yang lain ialah menghormati seseorang atau sesuatu yang kita kagumi. Apabila seseorang guru masuk ke dalam kelas, kita berdiri. Apabila lagu kebangsaan dimainkan, kita memberi tabik hormat. Kesemua ini tanda hormat dan penyembahan yang menandakan kekaguman kita terhadap seseorang atau sesuatu. Umat Buddhis mengamalkan penyembahan sebegini. Imej Buddha dengan tangan yang terletak dengan manis pada

pangkuan serta membayangkan belas kasihan mengingatkan kita supaya berusaha menyemai dan mengembangkan kasih sayang dan ketenteraman di dalam diri kita.

Bau wangi daripada colok mengingatkan kita tentang betapa tersebarnya pengaruh kesucian. Pelita mengingatkan kita tentang cahaya pengetahuan manakala bunga yang lama-kelamaan akan layu dan mati mengingatkan kita tentang ciri ketidakkekalan. Apabila kita bersujud kepada Buddha, kita menyatakan rasa terima kasih kepada Buddha untuk ajaran yang diberikannya kepada kita. Beginilah ciri penyembahan seorang beragama Buddha.

Soalan: Terdapat segelintir orang yang menyatakan bahawa umat Buddhis menyembah berhala.

Jawapan: Kenyataan seperti itu hanya mencerminkan salah faham yang dipunyai oleh mereka. Kamus mendefinisikan berhala sebagai patung atau imej yang dipuja sebagai tuhan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, umat Buddhis tidak percaya bahawa Buddha ialah tuhan. Bagaimana pula mereka hendak percayakan yang suatu bahan diperbuat daripada kayu atau logam adalah tuhan? Semua agama menggunakan simbol untuk melambangkan berbagai jenis konsep.

Agama Taoisme menggunakan ying-yang untuk melambangkan satu usaha spiritual. Agama Kristian menggunakan ikan untuk melambangkan kehadiran Nabi Isa manakala palang digunakan untuk melambangkan pengorbanannya. Di dalam agama

Buddha pula, imej Buddha melambangkan penyempurnaan seseorang individu. Imej Buddha mengingatkan kita tentang aspek kemanusiaan di dalam agama Buddha, iaitu agama Buddha mementingkan manusia bukannya tuhan. Kita menyelami diri kita sendiri untuk mencari penyempurnaan dan pemahaman. Kita tidak bergantung pada Tuhan ataupun dewa untuk menyelamatkan kita. Malahan, imej Buddha merupakan sumber inspirasi bagi kita untuk mencapai penyempurnaan. Justeru itu, menyatakan penganut agama Buddha menyembah berhala tidak betul.



Imej Buddha dari Sri Lanka dalam kedudukan bermeditasi. Pencerahan sempurna diperolehi melalui meditasi.

Soalan: Mengapakah terdapat penganut agama Buddha yang membakar wang kertas dan megamalkan banyak perkara yang aneh di dalam Vihara Buddhis?

Jawapan: Banyak perkara adalah aneh jika kita tidak memahaminya. Kita harus berusaha mencari makna disebalik perkara-perkara yang aneh ini, bukannya terus menolaknya. Bagaimanapun adalah benar bahawa kadangkala terdapat amalan Buddhis yang berpunca daripada salah faham tentang ajaran Buddha. Salah faham seperti ini bukan hanya didapati

di dalam agama Buddha sahaja tetapi juga terdapat di dalam semua agama lain dari semasa ke semasa. Buddha telah mengajar dengan jelas dan terperinci. Akan tetapi jika terdapat segelintir orang yang tidak dapat memahami ajarannya dengan sepenuhnya, Buddha tidak boleh disalahkan. Terdapat satu kata pujangga: *“Jika seseorang menderita daripada suatu penyakit dan tidak berusaha mendapatkan rawatan walaupun terdapat seorang doktor berdekatan, ini bukanlah salah doktor itu”*.

Dalam konteks yang sama, jika seseorang dibelenggu dan menderita akibat penyakit kecemasan mindanya, tetapi dia tidak berusaha mendapatkan bantuan Buddha, ini bukanlah salah Buddha.

Agama Buddha dan sebarang agama lain tidak harus diadili berdasarkan amalan orang yang tidak mengamalnya dengan betul. Jika kita ingin mengetahui ajaran sebenar Buddha, sila baca apa yang disabdakan oleh Buddha atau berbincang dengan mereka yang benar-benar memahami agama Buddha.

Soalan: Jika agama Buddha bagus, mengapakah terdapat negara-negara Buddhis yang miskin?

Jawapan: Jika anda maksudkan miskin secara ekonomi memang benar terdapat beberapa negara Buddhis yang miskin. Akan tetapi, jika anda maksudkan miskin daripada segi kualiti hidup mereka, terdapat beberapa negara Buddhis yang kaya. Misalnya, Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang kaya daripada segi ekonomi. Namun kadar jenayah di negara tersebut adalah diantara yang tertinggi di dunia. Ramai orang tua diabaikan oleh

anak-anak mereka dan mati kesepian di rumah orang-orang tua. Keganasan yang berlaku di rumah dan penganiayaan kanak-kanak adalah masalah utama. Satu daripada setiap tiga perkahwinan di Amerika Syarikat berkesudahan dengan penceraian. Bahan-bahan lucah didapati berleluasa. Kaya daripada segi kewangan tetapi mundur daripada segi kualiti hidup mereka.

Kita ambil contoh Myanmar, sebuah negara yang mundur daripada segi ekonomi. Ibu-bapa lebih dihormati oleh anak-anak mereka, kadar jenayah rendah, kes penceraian atau bunuh diri hampir langsung tiada, begitu juga keganasan di rumah dan penganiayaan kanak-kanak. Bahan-bahan lucah dan lesen menjalankan aktiviti maksiat tidak wujud. Secara ekonomi, Myanmar memang kebelakangan tetapi kualiti hidupnya lebih tinggi daripada sebuah negara seperti Amerika Syarikat. Jika kita menimbangkan sebuah negara Buddhis daripada segi ekonomi sahaja, salah sebuah negara yang terkaya dan paling dinamis daripada sudut ekonomi di dunia ialah negara Jepun dimana 92% daripada penduduknya beragama Buddha.

Soalan: Mengapakah kita tidak sering dengar tentang aktiviti kebajikan yang dilakukan oleh umat Buddhis?

Jawapan: Mungkin kerana umat Buddhis tidak merasakan perlu untuk menghebohkan tentang kebaikan yang dilakukan mereka. Beberapa tahun yang lalu seorang pemimpin Buddhis Jepun bernama Nikkho Nirwano menerima hadiah Templeton kerana meningkatkan persefahaman sesama agama. Begitu

juga, kes seorang bhikkhu Thai yang baru-baru ini dianugerahkan Hadiah Magsaysay untuk kerja-kerjanya yang terpuji membantu memulih penagih dadah. Pada tahun 1987, seorang lagi bhikkhu Thai dianugerahkan Hadiah Keamanan kanak-kanak Norway kerana usahanya membantu kanak-kanak yatim piatu di kawasan luar bandar.




*Nikko Nirwana
penerima Hadiah
Templeton*




*Bhante Thupstan
Chogyal yang
menjalankan
aktiviti-aktiviti
kebajikan di
Kashmir, India.*

Aktiviti kebajikan secara besar-besaran dijalankan di India oleh Western Buddhist Order untuk membantu mereka yang miskin. Mereka telah membina sekolah, pusat menjaga kanak-kanak, klinik serta mengendalikan industri secara kecil-kecilan supaya masyarakat setempat boleh menyara diri. Umat Buddhis membantu orang lain sebagai satu amalan agama mereka seperti juga agama lain. Mereka percaya semua aktiviti ini harus dilakukan dengan

senyap sebagai amalan ibadat dan bukannya untuk diheboh-hebohkan. Justeru itu, anda tidak banyak mendengar tentang aktiviti kebajikan mereka.



Bhante Sumana yang bergiat aktif memberi khidmat kaunseling kepada banduan dan tahanan di penjara Singapura.



Master Cheng Yen yang telah membina 4 hospital di Taiwan untuk orang miskin, disamping mengendalikan sekolah-Sekolah dan rumah-rumah kebajikan

Soalan: Mengapakah terdapat begitu banyak aliran agama Buddha yang berbeza?

Jawapan: Terdapat banyak jenis gula yang berbeza: gula melaka, gula putih, gula batu, gula pasir, gula sirup dan “gula icing”. Semuanya gula dan berasa manis. Gula dihasilkan dalam bermacam bentuk supaya dapat digunakan untuk tujuan berbeza. Agama Buddha juga sama halnya. Terdapat aliran Theravada, Zen, Tanah Suci (Pure Land), Yogacara dan Vajrayana. Semuanya agama Buddha dan mempunyai tujuan yang sama – iaitu mencapai alam kebebasan. Agama Buddha telah berkembang menjadi beberapa bentuk selaras dengan kebudayaan berbeza dimana ia berkembang.

Secara luaran, aliran-aliran ini mungkin kelihatan berbeza tetapi kesemuanya mempunyai asas yang sama, iaitu Empat Kebenaran Mulia dan Jalan Mulia Lapan Faktor. Semua agama termasuk agama Buddha terbahagi kepada beberapa aliran. Pengikut-pengikut aliran berbeza di dalam agama Buddha tidak pernah berperang sesama sendiri, tidak pernah bermusuhan sesama sendiri dan sehingga kini mereka pergi ke Vihara satu sama lain dan sembahyang bersama-sama. Toleransi dan persefahaman seperti ini jarang sekali ditemui.

Soalan: Anda mempunyai pandangan yang tinggi tentang agama Buddha. Adakah anda menganggap agama anda sahaja yang betul dan semua agama lain salah?

Jawapan: Seseorang Buddhis yang memahami sepenuhnya ajaran Buddha tidak akan memandangkan agama lain sebagai salah. Tidak seorang pun yang telah berusaha untuk meneliti agama lain dengan fikiran terbuka akan berfikir sedemikian. Perkara pertama yang ketara apabila menyelidiki agama yang berbeza ialah betapa banyaknya persamaan diantara agama.

Semua agama sedia maklum bahawa kedudukan dan pencapaian manusia tidak memuaskan. Semua agama percaya bahawa satu perubahan sikap dan perangai wajar sekiranya inginkan kedudukan manusia bertambah baik. Semua agama mengajar etika hidup seperti kasih sayang, kebaikan, kesabaran, sifat kedermawan dan tanggungjawab sosial serta menerima kewujudan satu bentuk entiti yang mutlak. Mereka menggunakan nama dan simbol yang

berlainan untuk memerinci dan menerangkan perkara-perkara ini. Hanya apabila pengikut-pengikutnya mempunyai pandangan yang sempit tentang sesuatu perkara, maka masalah persefahaman antara agama serta sikap keterlaluan dan ekstrimisme akan bermula.

Bayangkan seorang berbangsa Inggeris, seorang berbangsa Peranchis, seorang berbangsa Cina dan seorang berbangsa Indonesia berkerumun di sebuah kedai kopi. Keempat-empat mereka memandang ke arah sebuah cawan dan membahaskan tentang cawan tersebut. Orang Inggeris itu akan berkata, "Ini adalah cup". Orang Peranchis berkata "Tidak. Itu tasse". Orang Cina pula akan memberi komen, "Anda kedua-duanya salah, itu pei." Orang Indonesia pula akan mentertawakan mereka sambil berkata, "Memang bodoh anda semua ini. Itu cawan".

Orang Inggeris itu akan mendapatkan sebuah kamus Inggeris dan menunjukkannya kepada yang lain dan berkata, "Saya dapat buktikan kepada anda ini adalah cup. Buktinya tertulis di dalam kamus saya". Orang Peranchis itu pula akan mengatakan "Kamus anda salah. Kamus saya dengan jelasnya menyatakan itu tasse". Orang Cina itu pula berkata dengan sinis kepada mereka, "Kamus saya adalah beribu-ribu tahun lebih lama daripada kamus anda, pastilah kamus saya yang betul. Disamping itu, terdapat lebih ramai orang yang bercakap Mandarin berbanding dengan mana-mana satu bahasa yang lain di dunia".

Sedang mereka bertengkar sesama sendiri, seorang Buddhis datang ke mari dan minum kandungan cawan tersebut. Selepas minum, dia berkata kepada mereka yang bertelagah itu, "Sama ada anda memanggilnya cup, tasse, pei atau cawan, tujuan cawan untuk

digunakan. Sila hentikan pertelingkahan anda dan marilah kita bersama-sama minum untuk menghilangkan kedahagaan". Sikap seseorang Buddhis terhadap agama lain sama seperti ini. Kita tidak payah bertelingkah sesama sendiri untuk mempertahankan agama kita atau mengagungkan agama kita.

Soalan: Adakah agama Buddha saintifik?

Jawapan: Sebelum menjawab soalan ini, biar kita fahami maksud istilah 'sains'. Kamus mentakrifkan sains sebagai, "ilmu atau bidang yang boleh dibentuk menjadi satu sistem yang berasaskan pemerhatian dan pengujian fakta serta hukum alam semulajadi."

Definisi ini betul – betul mencirikan asas agama Buddha, iaitu Empat Kebenaran Mulia. Kebenaran Mulia yang pertama mencirikan penderitaan, iaitu suatu pengalaman yang dapat diamati dan juga diukur. Kebenaran Mulia yang kedua menyatakan bahawa punca penderitaan ialah tanha (nafsu keinginan), juga sesuatu emosi yang dapat di definisikan, diamati serta diukur. Agama Buddha tidak menggunakan cerita dogeng untuk menakrifkan penderitaan. Mengikut Kebenaran Mulia yang ketiga, penderitaan boleh diatasi dengan menyingkirkan puncanya, iaitu tanha. Kita tidak perlu bergantung kepada Tuhan atau dewa – dewa bagi tujuan ini.

Kebenaran Mulia yang keempat juga tidak terlibat dengan legenda atau cerita dogeng. Sebaliknya kebenaran ini menggalakkan manusia bertindak di dalam cara yang spesifik yang boleh diuji. Seperti bidang sains, agama Buddha menolak konsep tuhan.

Cara hidup bermula dan cara cakerawala kita beroperasi diterangkan dengan jelasnya. Semua aspek ini mencerminkan kajian secara saintifik.

Buddha juga sentiasa menasihati kita supaya tidak terus percaya kepada sesuatu tanpa diuji dan disoal – siasat. Buddha mengesyorkan pendekatan secara saintifik;

Jangan percaya sesuatu semata – mata berdasarkan tradisi atau kerana ia diturunkan tuhan atau pesuruhnya atau berdasarkan khabar angin.

Jangan percaya sesuatu semata – mata kerana ia didapati tertulis di dalam kitab suci anda.

Jangan percaya sesuatu semata – mata kerana anda sendiri pernah mendengarnya atau kerana ia logik.

Jangan percaya sesuatu semata – mata kerana anda cenderung mempercayainya atau tertarik dengan kebolehan seseorang.

Jangan percaya sesuatu semata – mata kerana ia didedahkan atau diajar oleh guru kita.


Apabila kita sendiri telah meninjau dan menganalisa dan mendapati tindakan tersebut baik, tidak akan dikritik oleh para bijaksana, sebaliknya dipuji mereka serta tindakan tersebut menghasilkan kebahagiaan, maka amalkannya.”

AI 188

Agama Buddha jauh lebih saintifik daripada agama lain. Seorang ahli saintis terkenal bagi abad ke – 20, Albert Einstein berkata:

“Agama bagi masa hadapan seharusnya merupakan suatu agama sejagat. Agama tersebut harus melampaui batasan Tuhan ataupun dewa dan mengelakkan

daripada terlibat dengan cerita dogeng dan kepercayaan karut. Agama sejagat ini harus meliputi kedua – dua aspek spiritual dan semulajadi disamping berasaskan kesedaran yang dapat diperolehi dengan pengalaman tentang semua aspek spiritual dan semulajadi serta suatu persefahaman yang bermanfaat dan muhibbah. Agama Buddha jelas mempamerkan ciri - ciri ini. Kalau terdapat sebarang agama yang dapat memenuhi keperluan saintifik di zaman moden ini, agama itu sudah tentunya agama Buddha.”



*Albert Einstein, ahli
saintis terkemuka di abad
ke-20*

2. Prinsip Asas Agama Buddha

Soalan: Apakah ajaran asas agama Buddha?

Jawapan: Keseluruhan ajaran Buddha berasaskan Empat Kebenaran Mulia. Asas ini digelar Empat Kebenaran Mulia kerana asas ini memuliakan seseorang yang memahaminya serta dipanggil Kebenaran kerana selaras dengan hakikat hidup kita.

Soalan: Apakah Kebenaran Mulia Yang Pertama?

Jawapan: Kebenaran Mulia Yang Pertama memerincikan bahawa hidup kita sering dilanda penderitaan. Mustahil untuk menjalani hidup tanpa mengalami sebarang bentuk penderitaan. Kita terpaksa mengalami penderitaan fizikal seperti penyakit, kecederaan, kelesuan, usia tua dan akhirnya kematian. Kita juga terpaksa mengalami penderitaan psikologi seperti kesunyian (kerana bersendirian), kekecewaan, ketakutan, kemarahan dan sebagainya.



Riang dan ketawa bersama. Apakah kemeriahan ini bekekalan?



Hidup kita penuh dengan cabaran dan penderitaan fizikal serta psikologi.

Menangani kesemua ini dengan sikap positif merupakan saranan Buddha.

Soalan: Bukankah ini bersifat pesimistik?

Jawapan: Kamus menakrifkan pesimisme sebagai 'tabiat memikirkan yang apa jua yang akan berlaku adalah untuk keburukan' atau pun 'kepercayaan bahawa kejahatan lebih kuat daripada kebaikan'. Agama Buddha tidak pernah mengajar seperti ini. Agama ini juga tidak menafikan bahawa kebahagiaan memang wujud. Agama Buddha sebaliknya menyatakan bahawa untuk menjalani hidup, kita akan mengalami penderitaan fizikal dan penderitaan psikologi yang mana merupakan satu hakikat hidup yang tidak dapat dielakkan.

Konsep asas kebanyakan agama ialah suatu metos, cerita dongeng atau pun kepercayaan yang sukar atau mustahil untuk disahkan. Konsep asas agama Buddha pula bermula dengan suatu pengalaman, suatu fakta yang tidak dapat dipertikaikan, sesuatu yang kita semua sedia maklum, sesuatu yang kita semua telah pun alami dan sedang giat berusaha untuk mengatasi. Justeru itu, agama Buddha merupakan satu-satunya agama sejagat kerana agama ini menumpu perhatian kepada perkara yang bermain di dalam fikiran setiap orang, iaitu penderitaan dan cara mengatasi

penderitaan. Agama Buddha tidak memperdayakan pengikutnya dengan janji – janji kosong tentang dunia dan akhirat.

Soalan: Apakah Kebenaran Mulia Yang Kedua?

Jawapan: Kebenaran Mulia Yang Kedua menyatakan bahawa segala bentuk penderitaan diakibatkan oleh tanha (keinginan nafsu). Apabila kita meneliti penderitaan psikologi, mudah untuk kita memerhatikan bagaimana penderitaan tersebut diakibatkan oleh tanha. Apabila kita inginkan sesuatu tetapi tidak berjaya mendapatkannya, kita akan berasa kecewa. Apabila kita mengharapkan seseorang bertindak selaras dengan apa yang kita harapkan, tetapi dia tidak bertindak demikian maka kita akan berasa kecewa. Apabila kita mahukan orang lain suka pada kita, tetapi sebaliknya mereka tidak, kita akan berasa kecil hati. Walaupun apabila kita mahukan sesuatu dan berjaya memperolehnya, perkara ini tidak semestinya membawa kebahagiaan kerana tidak berapa lama kemudian kita akan berasa bosan dengannya, hilang minat padanya dan seterusnya inginkan sesuatu yang lain. Secara ringkas, Kebenaran Mulia Yang Kedua menyatakan bahawa berjaya mendapatkan sesuatu yang kita ingini tidak semestinya menjamin kebahagiaan. Daripada sentiasa berusaha mendapatkan apa yang kita inginkan, kita harus berusaha mengubahsuai dan mengurangkan kemahuan kita. Kemahuan yang terus tidak dipenuhi menghalang kita daripada menikmati kebahagiaan.

Soalan: Bagaimanakah kemahuan dan tanha membawa penderitaan fizikal?

Jawapan: Kemahuan dan tanha sepanjang hayat bagi sesuatu, khasnya tanha untuk terus wujud menghasilkan tenaga yang kuat yang mana menyebabkan seseorang individu tumibal lahir (kewujudan semula). Apabila kita tumibal lahir, kita mempunyai satu jasad atau tubuh baru yang mana terdedah kepada bahaya kecederaan dan penyakit; tubuh ini berasa begitu letih selepas bekerja; tubuh ini akan beransur – ansur mereput menjadi tua dan akhirnya kita mati. Tanha sememangnya membawa penderitaan fizikal kerana menyebabkan kita terus tumibal lahir di alam Samsara ini.

Soalan: Kalau begitu, jika kita menghentikan kemahuan sama sekali, kita sudah tentu tidak akan dapat mencapai apa jua pun di dalam hidup.

Jawapan: Benar. Akan tetapi, apa yang Buddha maksudkan ialah keinginan dan tanha kita, ketidakpuasan kita dengan apa yang kita ada, sentiasa inginkan sesuatu yang lebih dan lain – lain lagi. Semua perkara ini memang menyebabkan penderitaan. Oleh itu, kita harus menghentikan semua perkara yang tersebut tadi. Buddha telah mengesyor kita untuk membezakan apa yang kita perlukan dengan apa yang kita inginkan.

Kita harus berusaha memenuhi keperluan kita sementara mengubahsuaikan dan mengurangkan keinginan kita. Beliau berkata bahawa keperluan kita memang boleh dan wajar dipenuhi, tetapi apa yang kita inginkan atau idamkan tidak ada batasnya. Terdapat keperluan asas dan penting yang mana dapat dipenuhi. Kita haruslah memenuhi keperluan tersebut. Keinginan melampaui had harus dikurangkan secara

beransur – ansur. Sebenarnya, apakah tujuan hidup kita? Memperolehi sesuatu atau pun mencapai kebahagiaan serta ketenangan jiwa?

Soalan: Bhante telah berbincang tentang tumimbal lahir. Adakah sebarang bukti bahawa proses tumimbal lahir memang berlaku?

Jawapan: Terdapat bukti yang mencukupi bahawa tumimbal lahir memang berlaku. Kita akan meneliti aspek ini dengan lebih terperinci di bawah tajuk “Tumimbal Lahir”.

Soalan: Apakah Kebenaran Mulia Yang Ketiga?

Jawapan: Kebenaran Mulia Yang Ketiga menyatakan bahawa penderitaan memang dapat diatasi dan kebahagiaan dapat dikecapi. Kita boleh katakan bahawa Kebenaran ini merupakan yang paling penting sekali kerana Buddha menjamin bahawa kebahagiaan yang sebenarnya memang boleh dikecapi. Apabila kita berjaya menghentikan tanha yang tidak bermanfaat dan belajar untuk mengharungi hidup sehari demi sehari, menikmati pengalaman hidup tanpa keinginan yang keterlaluan, tabah menghadapi dugaan hidup tanpa perasaan takut, benci dan marah, maka kita akan mencapai kebahagiaan dan kebebasan. Dari saat itu, kita mula hidup dengan sepenuhnya. Kita tidak lagi terlalu ghairah memenuhi keinginan kita yang semata – mata mementingkan diri. Kita mempunyai lebih banyak masa untuk membantu orang lain memenuhi keperluan mereka. Tahap ini dipanggil Nibbana. Ditahap ini, kita juga bebas daripada segala bentuk penderitaan psikologi.

Soalan: Apakah Nibbana dan dimanakah ia terletak?

Jawapan: Nibbana merupakan satu dimensi yang melampaui batas ruangan dan masa. Oleh itu, sukar untuk membincangkan atau membayangkan Nibbana. Istilah dan fikiran hanya dapat menerangkan sesuatu di dalam dimensi ruangan dan masa. Nibbana pula melampaui batas masa dimana tiada peredaran, tiada peningkatan usia atau beransur – ansur menuju kematian. Nibbana kekal selama – lamanya. Nibbana juga melampaui batas ruangan. Oleh itu, tiada sebab – akibat, batas ruangan, konsep 'aku' dan 'bukan aku'. Nibbana adalah tidak terhingga (infinit). Buddha juga menjamin bahawa Nibbana merupakan satu nikmat yang amat bahagia. Beliau bersabda:

Nibbana merupakan kebahagiaan yang tertinggi

Dhammapada 204

Soalan: Terdapatkah sebarang bukti fizikal tentang wujudnya suatu dimensi seperti itu?

Jawapan: Tidak. Kewujudannya boleh dibuat sebagai kesimpulan. Jika terdapat dimensi dimana masa dan ruangan dapat beroperasi, iaitu dunia yang kita alami, kita juga dapat nyatakan bahawa terdapat satu dimensi dimana masa dan ruangan tidak beroperasi, iaitu Nibbana. Walaupun kita tidak dapat buktikan secara fizikal bahawa Nibbana wujud, namun kita mempunyai jaminan daripada Buddha bahawa dimensi seperti ini memang wujud. Beliau bersabda:

Terdapat satu keadaan tidak lahir, tidak menjadi, tidak membentuk, tidak ditentukan (oleh Karma). Jika tidak terdapat keadaan tidak lahir, tidak menjadi, tidak membentuk, tidak ditentukan ini, maka (kita) tidak dapat membebaskan diri daripada keadaan lahir, menjadi, membentuk dan ditentukan. Akan tetapi, oleh kerana terdapatnya keadaan tidak lahir, tidak menjadi, tidak membentuk, tidak ditentukan ini, maka (kita harus sedia maklum) bahawa terdapat satu cara membebaskan diri daripada apa yang dilahirkan, menjadi, membentuk dan ditentukan,”

Udana 80


Kita akan mengetahuinya apabila kita berjaya mencapainya. Sehingga mencapai tahap itu, kita boleh terus berusaha mengamal agama ini.

Soalan: Apakah Kebenaran Mulia Yang Keempat?

Jawapan: Kebenaran Mulia Yang Keempat merupakan Jalan untuk mengatasi penderitaan. Jalan ini dikenali sebagai Jalan Mulia Lapan Faktor dan terdiri daripada:

1. Pemahaman yang Sempurna
2. Pemikiran yang Sempurna
3. Pertuturan yang Sempurna
4. Tindak-Tanduk yang Sempurna
5. Cara penyaraan diri yang Sempurna.
6. Usaha yang Sempurna
7. Tumpuan Minda yang Sempurna
8. Kesedaran Diri yang Sempurna.

Seseorang Buddhis mengamal kelapan-lapan unsur ini sehingga ke tahap yang sempurna. Setiap unsur tersebut meliputi semua aspek hidup-ilmiah, etika hidup, sosio – ekonomi serta peringkat psikologi. Justeru itu, Jalan Mulia Lapan Faktor ini merangkumi semua aspek yang diperlukan untuk menjalani hidup yang baik disamping mengembang aspek spiritual di dalam hidup kita.



*Dhammacakra yang melanbangkan
Jalan Mulia Lapan Faktor*



Bunga teratai yang suci berkembang mekar di dalam lumpur. Kita juga boleh menyempurnakan diri kita dengan mengikis kekotoran batin di dalam diri kita tanpa terikut-ikut dengan keinginan nafsu.

3. Buddhisme Dan Konsep Tuhan

Soalan: Adakah umat Buddhis percaya pada Tuhan?

Jawapan: Tidak. Terdapat beberapa sebab bagi menerangkan fakta ini. Seperti ahli psikologi dan sosiologi moden Buddha turut menyatakan bahawa konsep agama, khususnya konsep tuhan berpunca daripada ketakutan manusia. Buddha bersabda:

Diselubungi ketakutan, manusia menyembah kononnya gunung yang suci, lubuk yang suci, pohon yang suci serta tokong.

Dhammapada 188

Manusia primitif hidup di dalam persekitaran yang merbahaya dan tegang. Mereka takutkan binatang liar, takutkan kemungkinan tidak dapat mencari makanan yang mencukupi, takut mendapat kecederaan, penyakit dan takutkan fenomena semulajadi seperti guruh, kilat dan gunung berapi. Semua perasaan takut ini sentiasa menyelubungi dirinya. Oleh kerana tiadanya keselamatan, konsep tuhan direka dan berkembang untuk memberi keyakinan dan menghilangkan perasaan takut.

Anda masih dapat perhatikan bahawa manusia akan lebih mendampingi agama semasa mereka ditimpa kesusahan. Mereka akan berkata bahawa kepercayaan pada tuhan atau dewa seolah – olah memberikan “kekuatan” pada diri mereka yang diperlukan untuk menghadapi cabaran hidup. Anda mungkin terdengar mereka mengatakan bahawa mereka percayakan tuhan tertentu. Mereka mempercayainya kerana semasa mereka berdoa pada

tuhan itu meminta bantuan, seolah-olah tuhan itu kebetulannya dianggap telah menghulurkan bantuan.

Semua perkara ini menyokong hujjah-hujjah Buddha yang menyatakan bahawa konsep tuhan wujud akibat ketakutan dan rasa tidak puas hati. Buddha mengajar kita untuk memahami perasaan takut kita, mengurangkan hawa nafsu dan dengan tenang serta dengan hati yang cecal bersedia menerima keadaan yang kita tidak dapat ubah. Bhagava telah menggantikan perasaan takut dengan pemahaman yang rasional bukannya dengan kepercayaan karut.

Sebab yang kedua Buddha menolak kewujudan tuhan kerana tiada sebarang bukti yang kukuh untuk menyokong kepercayaan ini. Terdapat banyak agama yang semuanya mendakwa agama mereka sahaja yang telah mengabadikan suruhan tuhan di dalam kitab suci mereka. Mereka sahaja yang memahami ciri semulajadi tuhan. Hanya tuhan mereka sahaja yang wujud manakala tuhan agama lain tidak wujud. Terdapat agama yang mendakwa tuhan lelaki, ada yang menyatakan tuhan wanita dan ada pula yang mendakwa tuhan neuter, iaitu bukan lelaki mahupun wanita.

Mereka yakin tentang bukti yang kononnya mencukupi untuk membuktikan kewujudan tuhan mereka tetapi mereka akan mentertawakan bukti yang dikemukakan oleh agama lain untuk mengesahkan kewujudan tuhan agama tersebut. Bukankah menghairankan bahawa setelah berabad – abad berlalu dan begitu banyak wang yang dibelanjakan untuk membuktikan kewujudan tuhan, kita masih belum mempunyai sebarang bukti yang mencukupi, konkrit, benar serta dapat diterima semua tentang kewujudan tuhan. Umat

Buddhis tidak akan membuat sebarang keputusan muktamad selagi bukti sebegini tiada.

Sebab ketiga Buddha menolak kewujudan tuhan kerana kepercayaan itu tidak diperlukan. Terdapat pihak yang mendakwa kepercayaan pada tuhan diperlukan bagi menerangkan cara wujudnya cakerawala kita. Tidak semestinya. Bidang sains telah menerangkan dengan jelasnya bagaimana alam semesta kita terbentuk tanpa mengambil kira penglibatan tuhan. Terdapat pihak yang menganggap bahawa kepercayaan pada tuhan penting untuk menjamin satu hidup yang bahagia dan bermakna. Perkara ini tidak benar. Terdapat berjuta – juta pemikir bebas (free thinkers), ateis dan juga umat Buddhis yang menjalani kehidupan yang bahagia, bermakna serta berguna tanpa percaya pada kewujudan tuhan.

Terdapat mereka yang mendakwa kepercayaan pada kuasa tuhan wajib kerana diri manusia yang lemah menyebabkan mereka tidak mampu menyelamatkan diri mereka sendiri. Sekali lagi, bukti yang sedia ada memberikan gambaran sebaliknya. Kita sering mendengar kisah individu-individu yang berjaya mengatasi masalah kekurangan pada diri mereka atau kecacatan melalui kegigihan dan usaha mereka sendiri tanpa kepercayaan pada sebarang tuhan.


Terdapat pihak yang mengatakan tuhan diperlukan untuk menyelamatkan manusia. Akan tetapi hujjah ini dipegang oleh mereka yang menerima konsep penyelamatan teologi. Umat Buddhis menolak konsep ini. Berdasarkan pengalamannya sendiri, Buddha dapat memerhatikan bahawa setiap manusia berkemampuan untuk menyucikan mindanya, memupuk kasih sayang tidak terhingga serta memupuk belas kasihan dan pemahaman yang sempurna.

Bhagava telah memindahkan tumpuan kita daripada mengejar syurga kepada menyuci hati kita sendiri. Bhagava juga menggalakkan kita mencari jalan penyelesaian kepada masalah kita melalui pemahaman tentang kebolehan kita, bukan dengan menaruh kepercayaan kepada kepercayaan karut.

Soalan: Jika tiada tuhan, bagaimanakah alam semesta kita wujud?

Jawapan: Semua agama mempunyai cerita dogeng dan kisah mereka sendiri untuk menjawab persoalan ini. Pada masa dahulu, apabila pengetahuan sains tidak begitu meluas, cerita-cerita dogeng seperti ini mungkin memadai. Akan tetapi, di dalam abad ke 21 ini, iaitu zaman fizik, astronomi dan geologi, fakta sains telah menolak cerita-cerita dogeng ini. Bidang sains telah menerangkan cara wujudnya alam semesta ini tanpa mengambil kira penglibatan tuhan.

Mengikut ahli saintis, bumi telah mengambil masa berjuta-juta tahun untuk membentuk secara beransur-ansur, bukan dicipta didalam tempoh 7 hari oleh Tuhan seperti ditulis didalam kitab-kitab suci beberapa agama.



Ahli astronomi Itali yang terkemuka, Gaileo Goilei dipaksa oleh pihak atasan Gereja untuk menolak beberapa penemuan saintifiknya seperti bumi berputar mengelilingi matahari, bahawa kedua-dua jasad yang berat dan ringan akan jatuh ke bumi didalam tempoh yang sama, dan sebagainya.

Soalan: Apakah yang dikatakan oleh Buddha tentang cara alam semesta kita wujud?

Jawapan: Penerangan Buddha tentang cara alam semesta ini wujud lebih kurang sama dengan pandangan sains. Dalam Sutta Aganna, Buddha menerangkan dengan terperinci proses bagaimana alam semesta kita musnah dan kemudiannya membentuk semula kepada bentuknya sekarang di dalam jangkamasa berjuta – juta tahun. Bentuk kehidupan yang pertama adalah pada permukaan air dan selepas berjuta – juta tahun, evolusi organisma yang ringkas kepada organisma yang kompleks berlaku. Semua proses ini berlaku tanpa permulaan ataupun pengakhiran. Proses ini berlaku akibat punca – punca semulajadi.

Soalan: Anda berkata tidak ada bukti tentang kewujudan tuhan. Bagaimana pula dengan keajaiban – keajaiban yang berlaku?

Jawapan: Ramai orang yang percaya bahawa keajaiban – keajaiban yang telah berlaku bukti kewujudan tuhan. Kita pernah mendengar tentang seseorang yang kononnya telah disembuhkan penyakitnya tetapi tidak mendapat pengesahan berkecuali daripada seorang pegawai perubatan atau pakar bedah. Kita mungkin terdengar cerita tentang seseorang yang dengan ajaibnya terselamat daripada suatu malapetaka. Akan tetapi kita tidak pernah mendapat keterangan seorang berkecuali yang telah menyaksikan peristiwa itu dengan matanya sendiri. Kita pernah mendengar khabar angin tentang sessi memuja yang telah menyembuh penyakit seseorang atau memulihkan anggota badan seseorang yang lumpuh.

Namun, kita tidak pernah melihat X-ray atau mendapat ulasan daripada seorang doktor, jururawat atau orang berkecuali tentang perkara ini. Dakwaan yang melulu, laporan daripada orang ketiga serta khabar angin tidak boleh menggantikan bukti yang konkrit. Jarang sekali kita mendapat bukti yang konkrit tentang keajaiban yang dikatakan telah berlaku. Bagaimanapun, kadangkala beberapa peristiwa yang tidak dapat diterangkan memang berlaku. Begitu juga kejadian yang tidak disangka – sangka. Ketidak bolehannya kita untuk menerangkan kejadian ini tidak bermakna tuhan wujud.

Perkara ini hanya membuktikan bahawa pengetahuan kita masih belum mencukupi lagi. Sebelum perkembangan perubatan moden, manusia tidak mengetahui punca penyakit. Mereka percaya penyakit terjadi kerana hukuman tuhan. Tuhan mungkin mewujudkan penyakit sebagai hukuman untuk manusia. Kita kini mengetahui serta memahami punca perkara – perkara seperti ini. Apabila kita jatuh sakit,

kita mengambil ubat. Apabila pengetahuan kita tentang dunia lebih sempurna, kita akan dapat memahami punca fenomena yang tidak dapat diterangkan itu sama seperti kita kini dapat memahami punca penyakit. Jangan terus mempercayai sesuatu tanpa usul periksa.

Soalan: Ramai orang yang percayakan pada satu bentuk tuhan. Jadi adakah ini benar?

Jawapan: Tidak semestinya. Di masa yang lalu, semua orang percaya bahawa dunia adalah rata, tetapi kesemua mereka salah. Jumlah orang yang percayakan sesuatu ajaran atau agama bukan tolok bandingan untuk memastikan sama ada ajaran atau agama itu benar atau palsu.

Hanya terdapat satu cara sahaja yang mana kita dapat pastikan sama ada sesuatu ajaran benar ataupun palsu, iaitu dengan meneliti fakta dan buktinya.

Soalan: Jika umat Buddhis tidak percaya pada tuhan apakah yang anda percaya?

Jawapan: Kita tidak percaya pada tuhan kerana kita percaya pada kebolehan manusia sendiri. Kita percaya bahawa setiap individu sangat berharga dan penting. Setiap individu mampu untuk meningkatkan dirinya sehingga menjadi seorang Buddha, seorang individu yang sempurna sepenuhnya. Kita percaya bahawa manusia dapat mengatasi kejahilan dan ketidakrasionalannya untuk melihat sesuatu di dalam perspektifnya yang sebenar. Kita percaya bahawa perasaan benci, marah, ingin menyakiti orang lain

serta iri hati dapat digantikan dengan perasaan kasih sayang, sifat kedermawan dan baik hati. Kita percaya bahawa semua perkara ini mampu dilakukan sekiranya kita sanggup berusaha, sanggup dibimbing dan sanggup disokong oleh rakan sedhamma, serta mendapat inspirasi daripada teladan yang ditunjukkan oleh Buddha. Buddha pernah bersabda:


*Tidak ada seorang pun dapat
menyelamatkan kita kecuali diri
sendiri,*

*Tidak ada seorang pun mampu
dan tidak seorang pun akan
(berbuat demikian),*

*Kita sendiri yang harus
mengikuti jalan (menuju
kebebasan) tersebut,*

*Buddha dengan jelasnya telah
menunjukkan jalan tersebut.*

Dhammapada 165



Charles Darwin melalui pengkajian diatas kapal “Beagle” mengelilingi dunia selama 5 tahun telah menemui bahawa kehidupan haiwan dan manusia telah berevolusi beransaur-ansur melalui proses “Natural Selection”.

4. Panca Sila (Lima Peraturan Hidup)

Soalan: Agama lain menyatakan bahawa sesuatu tindakan betul atau salah berasaskan hukum yang diturunkan oleh tuhan. Umat Buddhis tidak percaya pada tuhan. Bagaimana Bhante tahu membezakan yang baik daripada buruk?

Jawapan: Sebarang fikiran, pertuturan atau perbuatan yang berpunca daripada sifat tamak haloba, kebencian dan kejahilan serta menjauhkan diri kita daripada Nibbana adalah jahat. Sebarang fikiran, pertuturan atau perbuatan yang berasaskan sifat murah hati, kasih sayang dan kearifan serta membantu diri kita menuju ke Nibbana adalah baik.

Untuk membezakan apakah yang betul daripada yang salah di dalam agama yang percayakan tuhan, anda harus mengerjakan apa yang diamanatkan kepada anda. Di dalam agama yang berasaskan kebolehan manusia seperti agama Buddha, untuk membezakan yang betul daripada yang salah, kita harus memupuk kesedaran diri dan pemahaman diri. Etika yang berasaskan keinsafan diri sendiri sentiasa lebih kuat dipegang berbanding dengan yang dilakukan kerana dipaksa.

Untuk mengetahui apa yang betul dan salah, seseorang Buddhis meneliti tiga aspek – tujuan perbuatan itu dilakukan serta kesan perbuatan itu ke atas diri sendiri dan juga orang lain. Sekiranya tujuan saya baik (berdasarkan sifat murah hati, kasih sayang dan kearifan), sekiranya ia dapat membantu saya (menjadi lebih murah hati, mempunyai kasih sayang dan kearifan) dan membantu orang lain (menjadikan mereka lebih bersifat murah hati, kasih sayang dan

arif), maka perbuatan saya adalah baik, terpuji dan bermoral. Sudah tentu terdapat perbezaan di dalam aspek perbuatan ini.

Kadangkala saya bertindak dengan tujuan yang baik tetapi tindakan saya tidak membantu saya mahupun orang lain. Ada kalanya tujuan tersirat saya tidak begitu baik, tetapi perbuatan saya dapat juga membantu orang lain. Kadangkala saya bertindak dengan tujuan yang baik, dan tindakan saya membantu diri saya tetapi membawa masalah pula kepada orang lain. Dalam kes seperti ini, tindakan saya satu campuran – baik serta tidak begitu baik. Kalau tujuan saya jahat dan tindakan yang diambil tidak menguntungkan saya mahupun orang lain, maka tindakan itu jahat. Apabila tujuan saya baik serta tindakan saya memanfaatkan diri saya dan juga orang lain, maka tindakan saya itu baik keseluruhannya.

Soalan : Adakah agama Buddha mempunyai sebarang panduan bagi kesusilaan?

Jawapan :Ya. Panca Sila (Lima Peraturan Hidup) merupakan asas kesusilaan agama Buddha. Sila pertama ialah menghindarkan diri daripada membunuh atau mengganggu makhluk hidup lain. Sila kedua ialah menghindarkan diri daripada mencuri, ketiganya ialah menghindarkan diri daripada berzina (bermukah), keempatnya ialah menghindarkan diri daripada menipu dan Sila yang kelima ialah menghindarkan diri daripada minuman yang memabukkan serta dadah.

Soalan : Sudah tentu adakalanya baik juga untuk membunuh. Misalnya untuk membunuh

serangga pembawa penyakit atau serangga yang ingin membunuh kita?

Jawapan: Tindakan itu mungkin memanfaatkan anda. Akan tetapi bagaimana dengan pihak yang sebelah lagi? Mereka juga ingin hidup seperti kita. Apabila kita mengambil keputusan untuk membunuh serangga pembawa penyakit, tujuan kita campuran menjaga kepentingan diri (baik) dan reaksi serta merta (jahat). Perbuatan itu mendatangkan faedah kepada diri kita tetapi sudah tentunya tidak mendatangkan faedah kepada makhluk itu (jahat). Adakalanya, kita terpaksa membunuh tetapi perkara ini tidak baik sepenuhnya.

Soalan: Umat Buddhis terlalu merisaukan diri tentang perkara remeh – temeh seperti membunuh semut dan serangga.

Jawapan: Umat Buddhis berusaha memupuk belas kasihan terhadap semua makhluk hidup. Mereka memandang dunia sebagai satu entiti keseluruhan yang bersatu di mana setiap benda dan makhluk mempunyai tempat dan fungsinya sendiri. Mereka percaya kita harus berhati – hati supaya tidak memusnahkan atau mengganggu keseimbangan alam semulajadi. Cuba kita perhatikan cara hidup kita di zaman moden ini di mana alam semulajadi dieksploitasi dengan sepenuhnya, memerah setiap titisan daripadanya tanpa mengembalikan apa pun kepadanya.

Alam semulajadi kini telah bertindak balas. Udara kita menjadi semakin beracun, sungai - sungai tercemar dan kehidupan di dalamnya mati. Banyak spesis binatang yang cantik telah pupus, cerun – cerun bukit

dan gunung semakin terhakis dan menjadi tandus. Iklim juga berubah - ubah. Sekiranya manusia kurang berkecenderungan untuk memusnah dan membunuh, situasi yang serius seperti ini tidak mungkin akan timbul. Kita harus berusaha memupuk sikap menghormati hidup orang lain. Sila pertama bertujuan memupuk sikap ini.

Soalan: Bagaimana dengan menipu? Adakah mungkin untuk menjalani hidup tanpa menipu?

Jawapan: Jika mustahil untuk menjalani hidup kita di dalam masyarakat atau menjalankan perniagaan tanpa menipu, keadaan pincang ini harus diubah. Seseorang betul – betul beragama Buddha jika dia berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan menjadi lebih jujur bukan dengan memperdaya orang untuk mengaut keuntungan.

Soalan: Bagaimana dengan arak? Tentu meminum sedikit arak tidak bahaya atau salah?

Jawapan: Seseorang minum arak bukan kerana sukakan rasanya. Dia minum bersendirian untuk mengurangkan tekanan emosi. Dia minum bersama rakan - rakannya kerana terpaksa mengikut gelagat mereka. Walau sedikit arak pun dapat memesong dan membendung kesedaran diri. Jika meminum arak dengan banyak, pasti kesannya lebih dahsyat lagi.

Soalan: Meminum sedikit arak sahaja tidak melanggar Panca Sila, bukankah begitu?

Jawapan: Jika anda tidak dapat mengamal perkara

yang kecil seperti ini, kesungguhan dan tekad anda tidak begitu kuat, bukankah begitu?

Soalan: Panca Sila berasaskan peraturan – peraturan menghindari daripada membuat sesuatu yang jahat. Panca Sila menyatakan apa yang kita tidak harus buat tetapi tidak menyatakan apa yang kita harus lakukan.

Jawapan: Panca Sila merupakan asas tatasusila agama Buddha, bukan keseluruhannya. Kita bermula dengan mengenal pasti kelakuan kita yang buruk dan berusaha menghentikannya. Apabila kita telah menghentikan perbuatan yang buruk, kita mula mengerjakan aktiviti yang baik. Misalnya pertuturan kita. Buddha berkata kita harus bermula dengan menghindarkan diri daripada menipu. Sesudah itu, kita harus bercakap yang benar, bercakap dengan lemah – lembut dan bersopan – santun serta bercakap pada masa yang sesuai. Bhagava bersabda:

“Dengan menghindari penipuan seseorang menjadi seorang individu yang bercakap benar, boleh dipercayai, seorang yang tidak memperdayakan dunia. Dengan menghindari pertuturan yang bertujuan menyakiti orang, dia tidak mengulangi di sini apa yang telah didengarnya disana, serta tidak mengulangi di sana apa yang telah didengarnya di sini, dengan tujuan menyebabkan perselisihan sesama manusia. Dia menyatukan mereka yang telah berbelah bagi dan merapatkan lagi persahabatan mereka yang sememangnya sahabat serta meningkatkan lagi persefahaman. Dia cintakan harmoni. Harmoni memberikannya kebahagiaan. Pertuturannya bertujuan menghindarkan diri daripada percakapan yang kasar, percakapannya sedap didengar, tiada cacat cela, disetujui,

disukai ramai serta menyentuh hati. Menghindarkan diri daripada percakapan yang tidak mendatangkan faedah (kosong), dia bercakap pada masa yang sesuai tentang apa yang betul, terus kepada inti, tentang Dhamma dan disiplin diri. Dia bercakap sesuatu yang wajar disemadikan, tepat pada masanya, diperincikan dengan baiknya, berpatutan serta terus kepada inti perbincangan”.

Soalan: Terdapat pihak yang mengatakan bahawa manusia hanya boleh menjadi seorang yang baik dengan bergantung kepada kuasa tuhan. Apa pandangan Bhante?

Jawapan: Kenyataan ini salah sama sekali. Terdapat berjuta – juta umat Buddhis dan pemikir bebas (free – thinkers) yang berkelakuan baik dan mulia bukannya sekali sekala tetapi pada setiap masa seperti orang mulia yang percayakan pada tuhan. Jika kita benar – benar berusaha, kita dapat menyucikan kelakuan kita. Kalau kita tidak dapat menjadi suci sepenuhnya, kita sekurang - kurangnya boleh setakat berusaha menjadi seorang individu yang lebih baik daripada tahap kita sekarang.

5. Tumimbal Lahir

Tumimbal lahir merujuk kepada kewujudan semula seseorang selepas tamat hayatnya di dalam mana-mana satu daripada tiga puluh satu alam kewujudan yang terdapat di alam samsara ini.

Soalan: Dari manakah manusia wujud dan ke manakah manusia akan pergi selepas tamat hayatnya?

Jawapan: Terdapat tiga jawapan yang mungkin bagi soalan ini. Bagi mereka yang percayakan tuhan atau dewa-dewa, sebelum seseorang individu dicipta, dia tidak wujud dan kewujudannya adalah di atas kehendak tuhan. Berdasarkan kepercayaan agamanya atau apa yang dilakukannya sepanjang hayat dia akan pergi ke syurga atau neraka buat selama-lamanya. Terdapat pula ahli kemanusiaan dan saintis yang mendakwa bahawa seseorang individu wujud semasa persenyawaan akibat punca-punca semulajadi. Individu itu menjalani hidup dan seterusnya apabila mati, kewujudannya telah pun tamat.

Agama Buddha menolak kedua-dua penerangan ini. Jika tuhan telah mencipta setiap orang, sukar untuk menerangkan mengapa terdapat begitu ramai bayi yang dilahirkan dengan kecacatan yang begitu mengerikan, atau pun mengapa begitu ramai anak di dalam kandungan digugurkan sebelum dilahirkan atau dilahirkan di dalam keadaan mati. Satu masalah lain berkenaan penerangan agama berasaskan tuhan ialah seseorang harus menderita selama-lamanya di dalam neraka untuk perbuatan yang dilakukannya selama 60

atau 70 tahun di bumi. Perkara ini tidak adil. Begitu juga, apabila menjalani hidup dalam jalan yang betul selama 60 tahun atau 70 nampaknya terlalu singkat bagi menikmati nikmat kesyurgaan untuk selamanya.

Penerangan kedua lebih baik daripada pertama dan mempunyai bukti-bukti saintifik untuk menyokongnya. Akan tetapi masih terdapat beberapa persoalan penting yang tidak terjawab. Bagaimanakah suatu fenomena yang sebegitu kompleks seperti kesedaran deria (consciousness) berkembang berikutan pertemuan dua sel; iaitu sperma dan ovum? Dengan pengiktirafan bidang parapsikologi sebagai satu cabang sains, fenomena seperti telepati (tindakan minda ke atas minda seseorang lain tanpa bantuan deria) semakin sukar untuk diterangkan daripada sudut pandangan falsafah yang mementingkan kebendaan.

Agama Buddha memberikan penerangan yang paling munasabah tentang cara manusia wujud dan ke manakah manusia akan pergi selepas tamat hayatnya. Apabila kita meninggal dunia, minda bersama-sama dengan semua kecenderungan, kesukaan, kebolehan dan ciri-ciri yang telah di kembangkan dan ditentukan di dalam hayat ini akan menyemat dirinya di dalam ovum yang akan bersenyawa apabila tamat hayatnya. Individu itu akan tumimbal lahir, membesar dan mengembangkan satu keperibadian yang ditentukan oleh kedua-dua ciri mental daripada hidup yang lepas serta sekitarnya yang baru didalam hidupnya yang baru. Keperibadian ini akan berubah dan terubahsuai oleh usaha secara sedar serta faktor-faktor seperti pendidikan, pengaruh ibubapa dan masyarakat. Keperibadian yang terubahsuai ini akan menyemat di dalam satu ovum baru yang bersenyawa apabila hayat ini pula tamat. Proses meninggal dunia dan tumimbal

lahir akan berterusan sehingga kondisi-kondisi yang merupakan puncanya iaitu tanha (keinginan nafsu) dan kejahilan dapat diatasi. Apabila ini berlaku, tumimbal lahir tidak akan berlaku lagi. Sebaliknya minda mencapai keadaan yang disebut Nibbana. Keadaan ini merupakan objektif mutlak agama Buddha. Sesungguhnya keadaan ini merupakan tujuan hidup kita.

Soalan: Bagaimanakah minda beredar daripada satu jasad kepada satu jasad lain?

Jawapan: Anggapnya sebagai gelombang radio. Gelombang radio tidak terdiri daripada muzik dan kata-kata. Sebaliknya, gelombang radio terdiri daripada tenaga pada frekuensi yang berlainan yang mana dipancarkan daripada stesen pemancar radio dan diterima oleh penerima (radio). Penerima akan menyiarkan gelombang tersebut sebagai kata-kata dan muzik. Perkara yang sama juga berlaku dengan minda. Pada saat kematian, tenaga mental akan bergerak melalui udara dan tertarik kepada ovum yang telah disenyawakan. Sementara embrio itu membesar, tenaga mental itu akan memusat di dalam otak dan berkembang menjadi satu keperibadian yang baru.

Soalan: Adakah seseorang sentiasa dilahirkan sebagai manusia?

Jawapan: Tidak, terdapat beberapa alam kewujudan berbeza dimana seseorang boleh tumimbal lahir. Ada yang tumimbal lahir di syurga, ada yang tumimbal lahir di neraka, ada pula yang tumimbal lahir sebagai Peta dan sebagainya. Syurga bukan satu tempat tetapi

merupakan satu alam kewujudan di mana seseorang akan mempunyai tubuh yang halus dan minda pula sentiasa menikmati kepuasan. Terdapat beberapa agama yang menggalakkan kita berusaha bersungguh-sungguh untuk tumibal lahir di syurga kerana salah anggap bahawa hidup di syurga berkekalan. Sebenarnya hidup di syurga bukan kekal selamanya. Seperti juga semua alam tertakluk kepada tiga ciri kehidupan, hidup di syurga tidak berkekalan. Apabila hayat seseorang disana tamat, dia mungkin akan tumibal lahir sebagai manusia.

Neraka juga bukan satu tempat tetapi merupakan satu alam kewujudan dimana seseorang mempunyai tubuh yang halus dan minda sentiasa mengalami kerunsingan dan kesusahan. Wujud sebagai Peta juga merupakan hidup di satu lagi alam kewujudan di mana tubuh adalah halus dan minda pula sentiasa di selubungi ketidakpuasan dan keinginan untuk sesuatu.

Makhluk di syurga biasanya mengalami kebahagiaan sementara makhluk di neraka dan yang wujud sebagai Peta biasanya mengalami penderitaan. Manusia pula biasanya mengalami kedua-dua penderitaan dan juga kebahagiaan. Perbezaan utama di antara makhluk di alam manusia dan alam-alam kewujudan lain ialah jenis tubuh serta pengalaman hidup mereka.

Soalan: Apakah yang menentukan alam kita akan tumibal lahir?

Jawapan: Faktor utama tetapi bukannya faktor tunggal yang mempengaruhi alam yang kita akan tumibal lahir serta keadaan hidup kita ialah kamma. Istilah kamma bermaksud 'tindak-tanduk' dan merujuk kepada tindakan yang disadari. Di dalam erti kata lain,

keadaan kita sekarang ini banyak ditentukan oleh cara kita berfikir dan bertindak di masa lampau.

Cara kita berfikir dan bertindak sekarang ini pula akan mempengaruhi keadaan kita dimasa hadapan.

Seseorang yang bersopan santun dan disukai ramai lebih cenderung untuk tumibal lahir di alam syurga atau pun sebagai manusia yang biasanya mengalami hidup yang bahagia. Seseorang yang sentiasa risau atau sangat kejam lebih cenderung tumibal lahir di alam neraka atau sebagai manusia yang sentiasa mengalami penderitaan. Seseorang yang mempunyai tanha yang sangat kuat, keinginan yang kuat serta cita-cita yang tidak mungkin dipenuhi lebih cenderung dilahirkan sebagai Peta atau manusia yang diselubungi kekecewaan akibat impian serta keinginan yang tidak tercapai. Apa jua tabiat yang dikembangkan di dalam hidup ini akan berlanjutan di dalam hidup yang akan datang.

Soalan: Adakah kita ditentukan sepenuhnya oleh kamma? Adakah kita boleh menukar kamma kita?

Jawapan: Sudah tentu kita mampu menukarnya. Berdasarkan hakikat ini salah satu daripada Jalan Mulia Lapan Faktor ialah Usaha yang Sempurna. Berjayanya kita menukar kamma bergantung kepada keikhlasan dan usaha kita serta betapa kuatnya tabiat daripada hidup yang lepas. Walaubagaimanapun, terdapat orang yang mengharungi hidup dibawah pengaruh tabiat mereka yang lepas tanpa berusaha menukarnya.

Oleh itu, mereka terpaksa menghadapi akibat kamma yang tidak menyenangkan. Orang sebegini akan terus

menderita selagi mereka tidak berusaha menukar tabiat mereka. Lebih lama mereka membiarkan sahaja tabiat negatif tersebut, lebih sukar lagi untuk menukar tabiat. Seseorang Buddhis memahami hakikat ini dan berusaha pada setiap peluang yang ada untuk menyingkirkan tabiat yang mendatangkan akibat yang tidak menyenangkan disamping mengembangkan tabiat yang mendatangkan kebahagiaan dan kesenangan. Meditasi merupakan salah satu cara yang digunakan bagi mengubahsuai tabiat seperti bercakap atau menghindari daripada bercakap, bertindak atau menghindari daripada bertindak di dalam cara-cara tertentu. Hidup sebagai seorang Buddhis merupakan satu latihan menyuci dan membebaskan minda.



Bila bermeditasi, kita mesti memakai pakaian yang longgar agar selesa.

Misalnya, jika anda sememangnya seorang yang sabar dan berhati budi di dalam kehidupan anda yang lepas, kecenderungan seperti ini akan wujud di dalam kehidupan masa kini juga. Jika kecenderungan atau ciri-ciri ini diperkuat dan dikembangkan di dalam kehidupan ini, maka ciri-ciri tersebut akan wujud sebagai ciri yang lebih kuat dan berpengaruh di dalam

hidup yang akan datang. Hakikat ini berdasarkan fakta bahawa tabiat yang lama sememangnya kuat bertapak di dalam diri dan sukar untuk diubah.

Jika anda seorang yang penyabar dan berhati budi, anda tidak mudah hilang pertimbangan dan marah. Anda tidak akan menyimpan dendam, orang lain suka pada anda dan anda akan menjalani hidup yang bahagia.

Biarlah kita ambil satu contoh lain. Katakan anda pada mulanya mempunyai kecenderungan seorang yang penyabar dan berhati budi disebabkan oleh tabiat daripada kehidupan yang lepas. Akan tetapi, di dalam hidup kini, anda tidak mengembangkan kecenderungan tersebut. Kecenderungan itu akan beransur-ansur berkurangan dan menghilang.

Di dalam kehidupan yang akan datang, kecenderungan tersebut mungkin sama sekali tiada lagi. Oleh kerana sifat kesabaran dan berhati budi lemah, maka di dalam kehidupan ini atau yang akan datang, terdapat sifat cepat naik darah, kemarahan dan tidak berperikemanusiaan yang akan berkembang. Akibatnya, sifat-sifat seperti ini akan membawa pengalaman yang tidak menyenangkan.

Biarlah kita ambil satu lagi contoh. Katakan akibat tabiat anda di dalam kehidupan yang lepas, anda cepat naik darah dan hilang kemarahan di dalam kehidupan kini. Akan tetapi anda menyedari bahawa tabiat seperti ini akan hanya menimbulkan ketidaksenangan. Anda pun berusaha mengubah tabiat anda dengan menggantinya dengan emosi yang positif. Sekiranya anda mampu menyingkirkan tabiat ini dengan sepenuhnya, maka anda akan bebas daripada pengalaman yang tidak menyenangkan yang berpunca

daripada sifat cepat naik darah dan hilang kemarahan. Sekiranya anda hanya mampu mengurangkan kecenderungan tersebut, kecenderungan itu akan wujud di dalam kehidupan yang akan datang di mana dengan lebih banyak usaha, kecenderungan itu dapat disingkirkan sepenuhnya. Anda pula akan bebas daripada akibatnya yang tidak menyenangkan.

Soalan: Anda telah banyak berbincang tentang tumibal lahir. Akan tetapi, terdapatkah bukti bahawa kita akan tumibal lahir setelah meninggal dunia?

Jawapan: Bukan sahaja terdapat bukti saintifik untuk membuktikan kesahihan tumibal lahir, malahan tumibal lahir merupakan satu-satunya teori hidup selepas mati yang mempunyai bukti untuk menyokongnya. Tidak terdapat sebarang bukti pun untuk menyokong kewujudan syurga yang berkekalan. Bukti bahawa tiada kewujudan sama sekali selepas mati pula amat kurang sekali. Akan tetapi, di dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini, ahli parasikologi sedang mengkaji banyak laporan tentang individu-individu yang dapat mengingati dengan jelasnya tentang kehidupan mereka yang lalu.

Misalnya, di England, terdapat seorang gadis berumur 5 tahun yang dapat mengingati "ibu dan bapanya dihidup yang lepas". Dia juga menceritakan dengan terperinci tentang kejadian yang berlaku di dalam hidup seorang individu lain. Ahli parapsikologi pun telah dihubungi. Mereka menanyakan beratus-ratus soalan dan dia dapat menjawabnya. Gadis itu menerangkan tentang hidupnya di sebuah perkampungan yang terletak di sebuah negara yang dipercayai Sepanyol.

Dia juga telah memberikan nama kampung tersebut, nama jalan tempat rumahnya terletak, nama jiran tetangganya serta keterangan tentang hidup sehari-hariannya disana. Gadis itu dengan rasa terharu mengenang kembali cara dia dilanggar oleh sebuah kereta dan meninggalkan dunia dua hari kemudiannya akibat kecederaan yang dialaminya.

Semua keterangan ini telah disiasat dan didapati tepat. Memang terdapat sebuah perkampungan di Sepanyol yang mempunyai nama seperti yang diberi oleh gadis itu. Terdapat juga sebuah rumah seperti yang telah diterangkan oleh gadis itu bertempat di jalan yang dinamakannya. Apa yang lebih menghairankan ialah penemuan bahawa terdapat seorang wanita berumur 23 tahun yang pernah tinggal di rumah tersebut dan terbunuh setelah dilangari kereta didalam satu kemalangan lima tahun yang lampau. Bagaimanakah seorang gadis berumur 5 tahun yang tinggal di England dan tidak pernah berkunjung ke Sepanyol mengetahui semua ini?

Sesungguhnya, kes ini bukan satu-satunya kes seumpama ini. Prof. Ian Stevenson daripada Jabatan Psikologi di Universiti Virginia telah memerincikan banyak kes seumpama ini di dalam buku-bukunya. Beliau merupakan ahli saintis yang telah membuat kajian selama 25 tahun tentang orang perseorangan yang dapat mengingat hidup mereka yang lepas. Kajiannya merupakan satu bukti kuat bagi ajaran Buddha tentang tumibal lahir.

Soalan: Terdapat segelintir individu yang mengatakan bahawa kemampuan kononnya dapat mengingat kehidupan yang lepas merupakan kerja syaitan.

Jawapan: Anda tidak harus menyangkal apa jua yang tidak selaras dengan kepercayaan atau agama anda sebagai kerja syaitan. Apabila terdapat bukti yang kukuh untuk menyokong sesuatu, anda harus gunakan hujah yang berasas dan rasional untuk membahasnya, bukannya kepercayaan karut dan tidak rasional tentang syaitan.

Soalan: Anda berkata kepercayaan pada syaitan merupakan kepercayaan karut. Akan tetapi bukankah kepercayaan tentang tumimbal lahir juga karut?

Jawapan: Kamus mentakrifkan kepercayaan karut sebagai kepercayaan yang tidak berasaskan alasan atau fakta tetapi berasaskan pengumpulan idea atau konsep yang tidak terbukti seperti di dalam silap mata. Sekiranya anda dapat menunjukkan kepada saya kajian yang teliti tentang kewujudan syaitan oleh seorang saintis, saya akan menerima bahawa kepercayaan tentang syaitan bukan karut. Akan tetapi, saya tidak pernah mendengar tentang sebarang kajian yang dilakukan ke atas syaitan. Jadi, saya mengatakan tiada sebarang bukti tentang kewujudan syaitan. Walaubagaimanapun, sebagaimana yang telah kita lihat tadi, terdapat bukti untuk menyokong bahawa tumimbal lahir memang berlaku. Kepercayaan tentang tumimbal lahir sekurang-kurangnya berasaskan kepada beberapa fakta. Oleh itu, kepercayaan tentang tumimbal lahir bukan karut.

Soalan: Kalau begitu, terdapatkah sebarang ahli saintis yang percaya tentang tumimbal lahir?

Jawapan: Ya, terdapat ramai ahli saintis yang percaya pada tumibal lahir. Thomas Huxley percaya bahawa kelahiran semula merupakan satu teori yang berasas. Beliau ialah tokoh yang disanjung kerana memperkenalkan bidang sains ke dalam sistem pendidikan British pada kurun ke-19 dan merupakan ahli saintis pertama yang mempertahankan teori Darwin. Didalam bukunya yang masyhur berjudul "Evolusi dan Etika serta Karya lain", Beliau menyebut:

Di dalam ajaran transmigrasi, tidak kira asalnya, spekulasi agama Buddha dan Brahmanisme telah berjaya membentuk satu alasan yang berasas untuk manusia tentang cara cakerawala kita berfungsi Alasannya (lebih) berasas daripada idea yang lain, dan tidak sesiapa pun kecuali mereka yang berfikir dengan terburu-buru akan menolaknya diatas alasan (teorinya) karut. Seperti juga evolusi, ajaran tentang transmigrasi berasaskan hakikat dunia ini dan ajaran ini mampu menggunakan perbahasan terkenal berdasarkan konsep analogi untuk menyokongnya.

Prof. Gustaf Stromberg pula ialah seorang ahli astromi dan fizik yang terkenal dan sahabat Albert Einstein. Beliau juga tertarik dengan idea tumibal lahir:

Terdapat perbezaan pendapat sama ada roh manusia dapat wujud semula di bumi. Di dalam tahun 1936, satu kes yang sangat menarik telah dilapur dan disiasat oleh pihak berkuasa di India. Seorang gadis (bernama Shanti Devi berasal dari Delhi) dapat memerincikan dengan tepat kehidupannya yang lepas (di Muttara yang terletak 500 batu jauhnya dari Delhi) yang riwayatnya tamat lebih kurang setahun sebelum

“kelahirannya yang kedua”. Gadis itu memberi nama suami dan anaknya serta menceritakan tentang rumah dan riwayat hidupnya. Suruhanjaya penyiasat kes itu membawa gadis itu berjumpa saudara maranya di hidup yang lepas dan mereka mengesahkan semua yang diperkatakannya. Di kalangan penduduk di India, kelahiran semula dianggap sebagai satu perkara yang lumrah; namun kes ini sungguh menakjubkan bagi mereka kerana terdapat begitu banyak sekali fakta yang dapat diingati oleh gadis itu. Kes ini serta kes –kes yang seumpamanya dapat dianggap sebagai bukti tambahan bagi teori ketidakmusnahan ingatan seseorang.

Prof. Julian Huxley pula seorang ahli saintis British yang mashyur dan pernah manjawat sebagai Direktor-Jeneral UNESCO. Pada pendapatnya, tumimbal lahir selari dengan pemikiran saintifik;

Tidak ada apa pun yang bertentangan dengan konsep kekalnya roh seseorang yang terbebas di saat kematian kerana satu isyarat “wireless” tertentu akan dilepaskan oleh alat pemancar yang berkerja di dalam satu cara yang tertentu. Kita harus sedar bahawa isyarat “wireless” hanya dapat menjadi satu mesej semula jika ia dapat bertemu satu struktur jasad yang baru – iaitu suatu penerima. Begitu juga dengan konsep roh yang terbebas. Roh itu tidak mungkin dapat berfikir atau merasa kecuali ia “tersemat semula ke dalam jasad” dalam suatu cara yang tertentu. Sahsiah kita begitu bergantung kepada jasad sehinggakan mustahil untuk berfikir tentang kemandiran (survival) dalam ertikata sebenarnya “tersendiri” tanpa suatu jasad Saya dapat bayangkan “sesuatu” dibebaskan (tidak kira lelaki

atau wanita) yang mana sama seperti isyarat “wireless” daripada suatu alat pemanca. Dengan ini berdasarkan sejauh mana kita dapat lihat, “kematian” merupakan satu gangguan corak-corak berbeza yang melalui cakerawala sehingga ... corak-corak itu ... kembali ke kesedaran deria yang sebenarnya melalui pertemuan dengan sesuatu yang dapat bertindak sebagai alat penerima bagi minda.

Sesungguhnya, orang perseorangan yang pratikal di kalangan kita seperti Henry Ford, seorang ahli industri Amerika juga mengiktiraf tumimbal lahir. Ford tertarik dengan idea tumimbal lahir kerana tidak seperti idea teistik dan materialistik, tumimbal lahir memberikan peluang yang kedua bagi seseorang mengembangkan dirinya.

Henry Ford berkata;

Saya menerima teori kelahiran semula ketika berusia 26 tahun ... Agama tidak dapat menawarkan apa-apa pun setanding dengannya... Pekerjaan pun tidak dapat memberikan kepuasan sepenuhnya bagi diri saya. Pekerjaan sia-sia jika kita tidak dapat menggunakan pengalaman yang dikumpul di dalam satu kehidupan yang lepas untuk kehidupan yang berikutnya. Apabila saya menemui konsep kelahiran semula, saya rasa seolah-olah telah menjumpai satu rancangan sejagat. Saya sedar bahawa terdapat peluang untuk mengusahakan idea-idea saya. Masa tidak lagi terhad. Saya tidak menjadi abdi kepada (detikan masa) ... Kepintaran berpunca daripada pengalaman (yang lalu). Terdapat mereka yang percaya (kepintaran) adalah satu pemberian atau bakat tetapi kepintaran

merupakan hasil pengalaman daripada banyak kehidupan yang lalu. Ada yang "lebih tua" daripada yang lain, jadi mereka lebih mengetahui Penemuan konsep kelahiran semula telah mententeramkan diri saya ... Jika anda menyimpan rekod tentang perbualan ini, tuliskannya supaya (utusan ini) dapat mententeramkan manusia. Saya ingin menghubungi orang lain berkenaan ketenteraman yang dapat diberi oleh falsafah tentang kehidupan yang panjang ini.



Turin Tilakaratne yang meninggal dunia pada 9hb November 1954 telah tumibal lahir menjadi Gnanatilaka.



Gnanatilaka yang lahir pada 14hb Februari 1956. Hasil penyiasatan kes tumibal lahir Gnanatilaka Stevensan mengukuhkan lagi tumibal lahir.

Ajaran agama Buddha tentang tumibal lahir memang mempunyai bukti saintifik untuk menyokongnya. Ajaran ini berkonsepkan logik dan benar-benar dapat menjawab persoalan yang tidak terdaya dijawab oleh teori teistik dan materialistik. Ajaran tentang tumibal lahir juga dapat menenangkan seseorang. Tidak adil sekiranya kita tidak diberi peluang kedua untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan di dalam kehidupan ini serta tidak diberi masa bagi mengembangkan bakat dan keupayaan yang diasah di dalam kehidupan ini.

Walaupun bagaimanapun mengikut Buddha, jika kita gagal mencapai Nibbana di dalam kehidupan ini, kita masih berpeluang mencuba lagi di dalam hidup yang akan datang. Jika kita telah melakukan kesalahan di dalam kehidupan ini, kita dapat membetulkan diri kita di dalam kehidupan yang akan datang. Dengan ini, kita benar-benar dapat belajar daripada kesilapan kita. Sesuatu yang kita gagal lakukan atau capai di dalam kehidupan ini, mungkin menjadi kenyataan di dalam kehidupan yang akan datang. Alangkah menakjubkan ajaran ini!.

6. Kearifan Dan Belas Kasihan

Soalan: Saya sering mendengar rakan-rakan Buddhist saya berbincang berkenaan kearifan dan belas kasihan. Apakah makna kedua-dua istilah ini?

Jawapan: Terdapat beberapa agama yang percaya bahawa belas kasihan dan kasih sayang (keduanya hampir sama) merupakan ciri-ciri spiritual yang terpenting sekali untuk menjalani hidup yang beragama tetapi mereka gagal untuk mengembang dan dan menitikberatkan kearifan. Akibatnya, kita berkembang menjadi seorang tolol yang baik hati, yakni seorang jahil yang baik hati. Kebaikan hati kita mudah dieksploitasikan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Bidang lain seperti sains pula mempercayai bahawa kearifan dapat dipupuk dengan baiknya apabila semua emosi termasuk belas kasihan tidak dibenarkan menapak di dalam diri kita.

Justeru itu, bidang sains terlalu mementingkan keputusan dan terlupa bahawa bidang sains untuk membantu manusia, bukannya mengawal dan mengambilalih tempat manusia. Fikirkanlah, bagaimana ahli saintis telah menggunakan kemahiran mereka untuk membina bom nuklear, gas saraf dan sebagainya. Agama pula selalu menganggap sikap rasional dan kearifan sebagai bertentangan dengan emosi dan sifat keagamaan seperti kasih sayang dan kebaktian. Bidang sains menganggap sifat keagamaan seperti kasih sayang dan kebaktian sebagai berlawanan dengan sikap rasional dan objektiviti.

Dengan ini, sudah tentu apabila bidang sains berkembang, pengaruh agama berkurangan.

Bagaimanapun agama Buddha mengajar bahawa untuk menjadi seorang individu yang seimbang sepenuhnya dan tersendiri, kita harus memupuk kearifan dan juga belas kasihan. Agama Buddha bukan dogmatik tetapi sebaliknya berasaskan pengalaman kita sendiri. Malahan agama Buddha tidak takut pada perkembangan sains kerana bidang sains membuktikan kesahihan agama Buddha.

Soalan: Apakah kearifan mengikut tafsiran agama Buddha?

Jawapan: Tahap kearifan yang tertinggi dicapai apabila kita dapat memerhatikan bahawa semua fenomena yang berlaku tidak di dalam konteks sepenuhnya, tidak berkekalan serta bukan entiti yang tersendiri. Pemahaman ini dapat membebaskan kita sepenuhnya disamping membimbing kita ke arah kebahagiaan dan keselamatan sepenuhnya iaitu Nibbana. Bagaimanapun, Buddha tidak banyak bercakap tentang tahap kearifan ini. Sesuatu bukan kearifan jika kita serta-merta percaya apa yang telah diberitahu kepada kita. Kearifan yang sebenarnya tercapai apabila kita menyaksikan dengan mata sendiri dan memahaminya.

Pada tahap kita, kearifan bermaksud mempunyai satu pandangan yang luas dan terbuka, bukannya pandangan sempit, mendengar pandangan orang lain dan tidak berpegang pada satu pandangan sahaja; menyiasat dengan cermat fakta-fakta yang tidak selari dengan kepercayaan kita, sanggup mendengar pandangan orang lain, bersikap objektif dan bukannya bersikap prejudis, mengambil masa untuk membentuk pendapat dan kepercayaan kita. Jangan terus

menerima sesuatu yang disampaikan kepada kita atau yang menyentuh hati kita. Kita juga harus sanggup menukarkan pandangan kita apabila fakta saintifik yang bercanggah dengannya disampaikan pada kita. Seseorang yang bertindak demikian sudah tentu bijak dan akhirnya tentu akan dapat mencapai pemahaman yang sempurna. Cara mempercayai terus apa yang diberitahu kepada kita mudah. Cara seorang Buddhis menilai sesuatu pula memerlukan banyak kesabaran, fleksibiliti, kebijaksanaan serta hati yang cekal.

Soalan: Saya rasa hanya beberapa orang sahaja yang dapat berbuat demikian. Apa gunanya agama Buddha jika hanya beberapa orang sahaja yang dapat mengamalnya?

Jawapan: Benar tidak semua orang yang bersedia mengamal agama Buddha. Walaubagaimanapun untuk menyatakan kita harus mengajar ajaran yang palsu tetapi mudah difahami supaya semua orang dapat mengamalnya adalah mengarut. Tujuan agama Buddha untuk mencapai kebenaran. Jika semua orang belum mempunyai kemampuan untuk memahaminya, mereka mungkin lebih bersedia di kewujudan yang akan datang. Bagaimanapun, terdapat juga ramai orang yang dengan mendengar satu ayat sahaja atau telah didorong dengan betul mampu untuk meningkatkan pemahaman mereka. Disebabkan hakikat ini, umat Buddhis berusaha menyebarkan agama Buddha dikalangan orang lain. Buddha telah mengajar kita kerana perasaan belas kasihan terhadap kita. Kita juga mengajar orang lain kerana perasaan belas kasihan.

Soalan: Daripada konteks agama Buddha, apakah belas kasihan?

Jawapan: Sebagaimana kearifan meliputi aspek intelektual dan pemahaman, belas kasihan pula merangkumi aspek emosi dan perasaan kita. Seperti kearifan, belas kasihan lazimnya merupakan satu ciri kemanusiaan. Istilah Inggeris bagi belas kasihan, "compassion" terdiri daripada 'co' yang bermaksud bersama-sama dan 'passion' yang bermaksud perasaan yang kuat membara. Itulah maksud belas kasihan. Apabila kita melihat seseorang di dalam kesusahan, kita merasakan penderitaan yang dialaminya seperti penderitaan kita sendiri. Kita berusaha mengurangkan ataupun menyingkirkan penderitaan mereka. Perkara ini dipanggil perasaan belas kasihan. Semua ciri-ciri yang terbaik di dalam manusia iaitu ciri-KeBuddhaan seperti berkongsi, sanggup memberi keselesaan, bersimpati, mengambil berat tentang orang lain serta bertimbang-rasa adalah menifestasi perasaan belas kasihan di dalam diri kita.

Anda juga akan perhatikan bahawa perasaan seorang yang mempunyai perasaan belas kasihan, sifat mengambil tahu dan kasih sayang kepada orang lain, lazimnya berpunca daripada sifat mengambil berat dan sifat kasih sayang terhadap dirinya sendiri. Kita benar-benar dapat memahami orang lain apabila kita memahami diri kita sendiri. Kita sedia maklum tentang apa yang baik bagi orang lain apabila kita tahu apa yang baik bagi diri kita sendiri. Di dalam agama Buddha, perkembangan spiritual seseorang akan berkembang kepada sikap prihatin tentang kebajikan orang lain. Riwayat hidup Buddha jelas menggambarkan aspek ini. Bhagava telah berusaha selama 6 tahun demi kebajikan dirinya sendiri untuk

mencari kebenaran selepas mana Bhagava mampu berjasa kepada manusia sejagat..

Soalan: Anda menyatakan bahawa kita benar-benar dapat membantu orang lain selepas kita mampu membantu diri kita sendiri. Bukankah itu sikap semata-mata mementingkan diri sendiri sahaja?

Jawapan: Kita biasanya menganggap mementingkan orang lain sebelum diri sendiri berlawanan dengan mementingkan diri sendiri dahulu. Agama Buddha pula mengamalkan konsep yang menggabungkan kedua-duanya. Mementingkan diri sendiri akan beransur-ansur berkembang menjadi mementingkan orang lain kerana kita menganggap orang lain sama seperti diri kita sendiri. Inilah belas kasihan yang tulen. Perasaan belas kasihan merupakan permata yang paling menonjol di dalam ajaran Buddha.

7. Vegetarianisme

Soalan: Adakah wajib bagi seorang Buddhis menjadi vegetarian (sayuranis) ?

Jawapan: Tidak semestinya. Buddha sendiri bukan vegetarian. Bhagava tidak mengajar pengikutnya menjadi vegetarian. Vegetarianisme adalah amalan hanya memakan sayur – sayuran dan hasil tumbuh – tumbuhan. Seorang vegetarian langsung tidak memakan daging, ikan dan sebagainya. Dewasa ini juga terdapat ramai umat Buddhis yang baik yang bukan vegetarian.

Soalan: Jika anda makan daging, anda secara tidak langsung bertanggungjawab ke atas kematian haiwan tersebut. Bukankah ini melanggar sila pertama di dalam Panca Sila?

Jawapan: Memang benar apabila kita makan daging, kita secara tidak langsung bertanggungjawab bagi pembunuhan suatu makhluk hidup. Begitu juga jika anda makan sayur – sayuran. Seseorang petani terpaksa menyembur racun serangga ke atas sayur – sayurannya supaya dapat tiba di meja sarapan anda tanpa lubang – lubang di dalamnya. Haiwan – haiwan juga dibunuh untuk menghasilkan kulit tali pinggang dan kulit beg tangan, minyak bagi sabun, dan beribu – ribu hasilan lain. Adalah mustahil untuk hidup walau bagaimana cara sekalipun tanpa bertanggungjawab secara tidak langsung bagi kematian makhluk – makhluk hidup yang lain. Perkara ini membuktikan kesahihan Kebenaran Mulia Pertama; kewujudan dunia ini penuh dengan kesengsaraan dan ketidakpuasan. Apabila anda ingin mematuhi Sila Pertama, anda

berusaha untuk menghindari daripada bertanggungjawab secara langsung bagi pembunuhan makhluk – makhluk hidup.

Soalan: Bukankah umat Buddhis yang mengikuti aliran Mahayana tidak makan daging?

Jawapan: Kenyataan itu tidak tepat. Aliran Mahayana di Negeri Cina menitikberatkan aspek vegetarianisme ini. Akan tetapi bhikkhu dan penganut lelaki serta penganut perempuan yang mengikut aliran Mahayana di Jepun dan Tibet biasanya makan daging.

Soalan: Saya rasa seorang Buddhis harus mengamalkan vegetarianisme.

Jawapan: Katalah terdapat seorang lelaki yang mengamalkan vegetarianisme dengan ketatnya tetapi dia terlalu mementingkan diri, tidak jujur, tidak berhati perut dan seorang lain pula bukan vegetarian tetapi selalu menimbangkan perasaan orang lain, jujur, bermurah hati serta baik hati. Yang manakah diantara kedua - dua orang tadi seorang Buddhis yang lebih baik?

Soalan: Orang yang jujur dan baik hati tadi.

Jawapan: Mengapa?

Soalan: Dia memang mempunyai hati yang baik.

Jawapan: Tepat sekali. Sebagaimana seseorang yang

makan daging mungkin baik hati, seorang yang tidak makan daging mungkin tidak baik hati. Di dalam agama Buddha, aspek yang paling penting ialah hati kita bukannya kandungan makanan kita.

Ramai yang mungkin berusaha keras menghindarkan diri daripada makan daging tetapi mereka tidak begitu mementingkan aspek mengurangkan sifat buruk mereka seperti memperdaya orang, rasa iri hati, sifat kejam dan sifat sernata-mata mementingkan diri.

Didalam agama Buddha tidak kira anda vegetarian atau tidak, aspek yang paling penting ialah penyucian minda.

8. Tuah Dan Takdir

Soalan: Apakah yang diajar oleh Buddha tentang silap mata dan menilik masa depan seseorang?

Jawapan: Buddha menganggap amalan seperti menilik masa depan, memakai azimat untuk perlindungan, memilih tapak yang 'bertuah' untuk membina bangunan, meramal serta menetapkan hari yang bertuah sebagai perkara yang karut dan tidak berguna. Bhagava telah melarang pengikutnya daripada melibatkan diri di dalam aktiviti seperti ini. Bhagava menggelarnya sebagai "seni yang bertaraf rendah".

Walaupun terdapat beberapa tokoh agama yang hidup berihksankan makanan yang disediakan oleh pengikutnya serta mencari nafkah hidup melalui seni yang rendah, cara hidup yang salah seperti menilik masa depan, menerangkan makna disebalik mimpi untuk mendapatkan tuah, mendoakan rahmat daripada dewa-dewamemilih tapak yang bertuah bagi membina bangunan, bhikkhu Gautama menghindarkan diri daripada seni yang bertaraf rendah, serta jalan hidup yang salah seperti ini.

DI 9-2

Soalan: Kalau begitu, mengapakah kadang – kala manusia mengamalkannya dan menaruh kepercayaan padanya?

Jawapan: Perkara ini disebabkan oleh ketamakan, ketakutan dan kejahilan. Apabila seseorang memahami ajaran Buddha, dia akan menyedari bahawa hati yang suci dapat melindunginya dengan

lebih baik daripada cebisan kertas yang didoakan, azimat ataupun tangkal. Mereka tidak payah bergantung kepada semua ini. Mengikut ajaran Buddha hanya kejujuran, kebaikan hati, pemahaman yang betul, ketabahan hati, sifat kedermawan, kesetiaan, sanggup saling bermaaf – maafan dan ciri – ciri baik yang lain yang benar – benar dapat melindungi kita serta memberikan kita kemewahan yang sebenarnya.

Soalan: Bukankah azimat juga boleh mendatangkan kesan?

Jawapan: Saya mengenali seorang individu yang menyara hidupnya dengan menjual azimat. Dia mendakwa azimatnya boleh mendatangkan tuah, kemewahan dan juga menjamin bahawa anda berkebolehan meneka nombor dalam empat ekor (toto). Kalau apa yang dicakapnya itu benar, mengapakah dia sendiri tidak memenangi loteri pada setiap minggu? Satu – satunya tuah yang ada padanya ialah adanya orang yang jahil sehingga sanggup membeli azimat yang dijualnya.

Soalan: Kalau begitu, benarkah wujud apa yang digelar sebagai tuah?

Jawapan: Kamus mendefinisikan tuah sebagai mempercayai bahawa apa pun yang terjadi, baik atau buruk kepada seseorang kerana tuah, takdir ataupun bangkali.

Buddha menolak sebulatnya kepercayaan ini. Setiap peristiwa berlaku kerana punca-punca yang spesifik.

Terdapat pertalian yang rapat di antara punca tersebut dan akibatnya. Misalnya, kita jatuh sakit disebabkan punca – punca yang tertentu. Seseorang mesti terdedah kepada mikrob (kuman) penyakit dan kelalian badannya mesti lemah sehingga mikrob penyakit dapat menapak dan merebak di dalam badan. Terdapat satu pertalian yang jelas antara punca (mikrob penyakit dan badan yang lemah) dan akibatnya (jatuh sakit) kerana kita tahu bahawa mikrob penyakit menyerang manusia serta menyebabkan penyakit berlaku. Tiada pertalian diantara perkataan – perkataan yang ditulis di atas sekeping kertas yang dipakai seseorang dengan 'tuahnya' menjadi kaya atau lulus di dalam peperiksaan.

Agama Buddha mengajar bahawa apa pun yang berlaku disebabkan punca-punca tertentu; bukannya disebabkan oleh bangkai, takdir ataupun tuah. Seseorang yang berminat di dalam tuah selalunya berusaha mendapatkan sesuatu, biasanya lebih banyak wang dan harta. Buddha mengajar bahawa lebih penting kita mengembangkan hati dan minda kita daripada mengejar keseronokan duniawi. Bhagava bersabda:

*Memiliki pengetahuan dan kemahiran,
Terlatih di dalam tatasusila dan pertuturan,
Sifat-sifat inilah berkat utama.*

*Membantu ayah dan ibu, menyokong anak
dan isteri serta menjalani hidup yang sederhana.
Sifat-sifat inilah berkat utama.*

*Sifat kedermawan, adil, menolong sanak saudara,
Melakukan perbuatan yang tidak akan dicela,
Sifat-sifat inilah berkat utama.*

*Tidak melakukan kejahatan dan menjauhi minuman keras,
Serta selalu tekun melaksanakan Dhamma,
Sifat-sifat inilah berkat utama.*

*Selalu menghormati orang lain dan merendahkan diri,
sentiasa puas hati dan mengenang budi mendengar Dhamma,
Sifat-sifat inilah berkat utama.*

Sn 261-265

9. Memeluk Agama Buddha

Soalan: Apa yang anda telah katakan semuanya sangat menarik bagi diri saya. Bagaimanakah saya memeluk agama Buddha?

Jawapan: Pada suatu masa yang lalu, terdapat seorang lelaki bernama Upali. Dia merupakan pengikut agama lain. Dia berjumpa Buddha dengan tujuan untuk berbahas dengan Buddha dan mempengaruhi Buddha untuk menjadi pengikut agamanya. Selepas berbincang dengan Buddha dia begitu kagum dengan agama Buddha sehingga dia sendiri membuat keputusan untuk menjadi seorang pengikut Buddha. Akan tetapi Buddha bersabda:

“Selidiki betul – betul terlebih dahulu. Penyelidikan yang rapi penting bagi seorang yang ternama seperti anda.”

Upali pula terkejut dengan saranan Buddha:

“Sekarang saya lebih kagum dan gembira apabila Bhagava berkata pada saya, ‘Selidiki betul – betul terlebih dahulu’. Kalau anggota agama lain dapat memujuk saya memeluk agama mereka, mereka tentu akan berarak di keliling bandar membawa sepanduk bertulis “Upali telah memeluk agama kami.” Bhagava sebaliknya telah berkata pada saya: ‘Selidiki betul – betul dahulu. Penyelidikan yang rapi penting bagi seorang yang ternama seperti anda.’”

MII 379

Di dalam agama Buddha, pemahaman yang sempurna merupakan aspek yang sangat penting. Pemahaman yang teliti sememangnya mengambil masa. Jangan tergesa – gesa ingin menjadi seorang Buddhis. Fikirlah semasak – masakunya. Tanya banyak soalan. Pertimbangkan semua perkara dengan baik, kemudian barulah membuat keputusan anda. Buddha tidak begitu berminat mempunyai ramai pengikut. Bagi Bhagava, lebih penting seseorang mengikuti ajarannya setelah menyelidiki dengan baik dan telah mempertimbangkan semua fakta – fakta yang sedia ada.

Soalan: Jika setelah saya melakukan semua ini, saya mendapati ajaran Buddha sesuai, apakah yang harus saya lakukan jika saya ingin menjadi seorang Buddhis?

Jawapan: Adalah baik sekiranya anda dapat menganggotai satu Vihara atau persatuan Buddhis. Anda juga harus meneruskan usaha mendalami agama Buddha. Apabila anda telah bersedia, anda dengan rasminya boleh menjadi seorang Buddhis setelah bernaung di bawah naungan Tiratana (Buddha, Dhamma dan Sangha) .

Soalan: Apakah Tiratana?

Jawapan: Suatu tempat pernaungan adalah tempat selamat di mana orang bernaung apabila mereka ketakutan atau memerlukan perlindungan. Terdapat banyak jenis tempat pernaungan. Apabila seseorang berdukacita, mereka mungkin mencari seorang sahabat karib untuk menaungkan mereka. Apabila

mereka risau dan ketakutan, mereka mungkin berpegang pada harapan dan kepercayaan yang palsu. Apabila saat kematian semakin hampir, mereka mungkin menaruh kepercayaan pada konsep syurga yang kononnya berkekalan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Buddha, semua ini bukanlah tempat pernaungan yang selamat kerana tidak menjamin keselamatan dan keselesaan berdasarkan realiti.

*Sesungguhnya ini bukan tempat pernaungan yang selamat,
bukan tempat pernaungan yang tertinggi.
Bukan tempat pernaungan yang mana seseorang bebas daripada segala bentuk kesengsaraan.*

*Sebaliknya apabila kita bernaung di bawah Buddha,
Dhamma dan Sangha serta meneliti dengan pemahaman yang sempurna.
Empat kebenaran Mulia.*

*Kesengsaraan, punca kesengsaraan,
Hilangnya tahap kesengsaraan serta
Jalan Mulia Lapan Faktor yang menuju kepada hilangnya kesengsaraan.*

*Sesungguhnya inilah tempat pernaungan yang selamat,
Merupakan tempat pernaungan yang tertinggi,
Inilah tempat pernaungan yang mana seseorang bebas daripada segala bentuk kesengsaraan.*

Dhammapada 189 – 192

Bernaung di bawah perlindungan Buddha bermaksud kita dengan yakin menerima hakikat bahawa kita juga

berkemampuan untuk menjadi sempurna dan mencapai pencerahan sempurna seperti Buddha. Bornaung di bawah sinaran Dhamma bermaksud memahami Empat Kebenaran Mulia dan menjalani hidup kita berdasarkan Jalan Mulia Lapan Faktor. Bornaung di bawah Sangha bermaksud kita menjadikan mereka yang mengikuti Jalan Mulia Lapan Faktor sebagai sumber inspirasi, sokongan serta pedoman kita. Dengan bertindak sedemikian kita menjadi seorang Buddhis. Justeru itu kita mengorak langkah ke arah Nibbana.

Soalan: Apakah perubahan yang telah berlaku di dalam diri Bhante setelah bornaung di bawah Tiratana?

Jawapan: Seperti juga berjuta – juta manusia yang lain selama 2500 tahun ini, saya mendapati ajaran Buddha telah menjadikan hidup saya lebih bermakna, membolehkan saya menjalani hidup saya berdasarkan etika – etika yang berperikemanusiaan dan belas kasihan serta membimbing saya ke jalan mencapai kesempurnaan dan kesucian di dalam kewujudan yang akan datang. Seorang penyair di India pernah menulis begini tentang Buddha:

Bornaung di bawah perlindungannya, bernyanyi memujinya, memberi hormat kepadanya serta mengikuti Dhammanya merupakan suatu perbuatan yang berdasarkan pemahaman yang sempurna.

Saya betul – betul bersetuju dengan pendapatnya.

Soalan: Saya mempunyai seorang sahabat yang

selalu cuba memujuk saya memeluk agamanya. Saya tidak begitu berminat menukar agama saya dan telah memaklumkan tetapi dia tetap meneruskan cubaannya untuk memujuk saya. Apakah nasihat Bhante tentang perkara ini ?

Jawapan: Terlebih dahulu anda harus menerima hakikat bahawa dia bukan sahabat yang sejati.

Seseorang sahabat yang sejati akan menghormati prinsip hidup dan aspirasi anda. Sahabat yang anda maksud tadi berpura-pura menjadi sahabat anda dengan tujuan ingin menukar agama anda. Kalau seseorang berusaha untuk memaksa kita atau memujuk sedaya upaya supaya kita mengikuti agamanya, dia sudah tentunya bukan sahabat yang sejati, malahan merupakan harimau yang bertopengkan rusa.

Soalan: Bukan begitu, dia berkata dia cuma ingin memaklumkan saya tentang agamanya.

Jawapan: Memaklumkan orang lain tentang agama kita suatu perkara yang baik asalkan tujuannya untuk meningkatkan persefahaman dan toleransi antara agama. Akan tetapi sahabat anda sebenarnya mengeksploitasikan keadaan tersebut. Terdapat perbezaan yang besar diantara usaha memaklumkan seseorang dengan usaha memujuk seseorang dengan tujuan ingin menukar agamanya. Jika seseorang meneruskan usahanya untuk memujuk kita sehingga kita mengalah kepadanya, ini bukannya memaklumkan kita. Sahabat anda itu sebenarnya cuba menyembunyikan tujuan muktamadnya dengan mengatakan dia sekadar ingin memaklumkan kita atas

dasar kasih sayang, belas kasihan atau sifat kedermawannya. Apa jua istilah yang mereka gunakan, tindakan dan perangai mereka ini sebenarnya kurang biadab, bermotif jahat dengan niat tersembunyi.

Soalan: Bagaimana saya boleh hentikan tindakannya?

Jawapan: Jawapannya mudah sahaja. Apakah yang anda inginkan di dalam hidup anda? Apakah tujuan hidup anda? Bila anda jelas tentang perkara ini, anda harus berterus-terang dengannya.

Sahabat anda itu mungkin akan meminta pendapat anda tentang beberapa perkara yang berunsurkan agama atau terus memujuk anda untuk menghadiri perjumpaan agamanya. Anda harus bertegas dengan pendirian anda tetapi menyuarakannya dengan cara yang jelas dan sopan untuk menolak jemputannya.

Jika dia terus berusaha memujuk anda dengan mengatakan terdapat ramai orang yang akan menghadiri perjumpaan itu atau memberi alasan dia betul-betul mengambil berat tentang kebajikan anda, anda tetap mesti menolak jemputannya dengan sopan. Bila anda berpegang teguh pada pendirian anda, dia sudah tentunya akan berputus asa dan tidak akan mengganggu anda lagi. Memang tidak baik kita bertindak tegas. Akan tetapi kita harus memaklumkan dan mengajar orang seperti ini bahawa tidak wajar memaksa orang lain menukar agama mereka ataupun prinsip hidup mereka.

Soalan :Haruskah seseorang beragama Buddha memaklumkan tentang Dhamma kepada orang lain?

Jawapan: Sudah tentu mereka harus berbuat demikian. Saya rasa seseorang Buddhis tahu membezakan diantara usaha memaklumkan seseorang dengan usaha memujuk orang lain memeluk agama kita. Kita tidak mahu dan kita tidak berminat memaksa orang lain memeluk agama kita. Jika seseorang menanyakan kita tentang agama Buddha, kita boleh memaklumkan mereka. Kita juga boleh memaklumkan mereka tentang agama Buddha tanpa mereka menanyakan kita terlebih dahulu. Dengan menilai maklum balas atau jawapan mereka, kita boleh tahu sama ada mereka berminat ataupun tidak. Kita harus menerima dan menghormati maklum balas dan prinsip mereka, bukannya terus memujuk mereka untuk mengikuti agama kita.

Cara yang lebih baik kita memaklumkan orang lain tentang Dhamma ialah dengan menjalani hidup kita selaras dengan Dhamma dan menjadi teladan yang baik. Cara ini lebih berkesan daripada mengajar atau memberi ceramah tentang Dhamma. Jangan kita jadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul.

Amalkan Dhamma di dalam hidup kita dengan sentiasa bertimbang rasa, bertoleransi, ikhlas, bermurah hati serta menjalani hidup yang sempurna.

Biarlah Dhamma berkembang dan bersinar mekar melalui pertuturan dan tindak-tanduk kita. Jika setiap daripada kita mengkaji agama Buddha dengan mendalam dan seterusnya mengamalkan Dhamma sepenuhnya di dalam hidup serta memaklumkan orang lain tentang Dhamma, kita sudah tentunya menabur

bakti bagi diri kita dan juga orang lain. Perkara yang paling penting ialah menghormati pendirian serta agama orang lain.

SERVICES AVAILABLE AT THE BUDDHIST MAHA VIHARA

- Booking for Dana (Alms Giving) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions / events
- Marriage Registration
- Full Moon / New Moon Day Puja & Free Vegetarian Lunch
- Sunday Dhamma Classes for Children & Adults
- Buddhist & Pali University Courses
- K Sri Dhammananda Library
- Bookshop
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre

WEEKLY ACTIVITIES

- | | | |
|--|-------------------|----------------------|
| • Daily Puja | | 6.30 a.m. & 7.30p.m. |
| • Choir Practice | Tuesday | 8.00p.m. |
| • Special Talk | Friday | 1.00p.m. |
| • Dhamma Talk | Friday | 8.00p.m. |
| • Meditation | Mon, Tues & Thurs | 8.00p.m. |
| • Bojjhanga Puja | Saturday | 7.30p.m. - 8.30p.m. |
| • Puja & Talk | Sunday | 8.30a.m. |
| • Dhamma School | Sunday | 8.30a.m. & 11.30a.m. |
| • Dharma for the Deaf
(fortnightly) | Sunday | 2.00p.m. |

DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:

- Propagation of Buddhism (Dhammaduta)
- Free Publications (Malaysia and Overseas)
- Education Fund
- Project Buddhho Africa
- Full Moon and New Moon services sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Utilities (Electricity, water, telephone, administration etc)
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Illumination (lighting) of the Awkana Buddha & Cakra
- Monks' Dana
- Monks' Requisites
- Welfare Fund (Malaysia and Overseas)
- Special Religious Events
 - Wesak
 - Annual Blessing Service
 - Annual Merit Offering
 - Kathina Pinkama (ceremony)
 - Monks' Novitiate Programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

DONATION FORM

Buddhist Maha Vihara

123, Jalan Berhala, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan,
Malaysia.
Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

I / We would like to make a donation to the Buddhist Maha Vihara.

Name :

Address :

.....

.....

Amount : RM

Towards : The cost of reprinting this book

Others, please specify

All cheques can made payable to: BUDDHIST MAHA VIHARA
or TT to "BUDDHIST MAHA VIHARA" ACCOUNT NO.
0061-10-003018-0, EON BANK BERHAD, BRICKFIELDS,
KL. Kindly send us a copy of your BANK SLIP so that we can
send you an OFFICIAL RECEIPT.



Penulis buku ini, Bhante S. Dhammika merupakan seorang Bhikkhu dari Australia yang telah memberi banyak ceramah tentang agama Buddha di universiti, televisyen dan radio di Australia. Beliau telah menulis banyak buku-buku tentang agama Buddha yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa termasuk Bahasa Mandarin, Tamil dan juga Nepal. Beliau kini

tinggal di Singapura.

Buku ini membincangkan banyak persoalan dan salah faham tentang agama Buddha. Ramai penganut agama Buddha sendiri tidak memahami tentang asas agama mereka kerana tidak berpeluang mempelajari agama mereka. Oleh itu, mereka mudah diperdayakan oleh pengikut agama tertentu yang sengaja mempersendakan agama Buddha dengan tujuan menukar agama seseorang beragama Buddha.

Buku ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia untuk membantu penganut agama Buddha lebih mengenali agama mereka, khasnya mereka yang telah melalui persekolahan Kebangsaan.

Buddhist Maha Vihara sebagai institusi pendidikan agama Buddha yang tertua di Malaysia, telah lama bergiat di dalam pendidikan agama Buddha. Kebanyakan aktiviti ini dipelopori oleh Bhante Dr K Sri Dhammananda Nayake Maha Thera, Ketua Sangha Nayaka bagi Malaysia dan Singapura .

Bhante Dhammananda telah menulis lebih kurang 60 buah buku tentang agama Buddha yang telah diterjemahkan ke dalam 15 bahasa. Berjuta-juta buah buku Agama Buddha karya Bhante telah diterbitkan dan dihantar ke seluruh dunia untuk pendidikan penganut agama Buddha. Kesemua buku Bhante kini disiarkan di dalam laman internet.

Semoga Buddha Dhamma berkumandang ke seluruh pelusuk dunia.

Persatuan Sasana Abhiwurdhi Wardhana
Buddhist Maha Vihara
www.ksridhammananda.com